

"PRINSIP ini kita pegang, selaras dengan ajaran agama kita sendiri, yang menghendaki umatnya supaya saling berkenalan dengan semua bangsa dan kaum di dunia. Namun perkenalan itu hendaklah diikat oleh prasyarat 'hormat-menghormati'. Dalam erti kata, kita menghormati sahabat dan sahabat juga menghormati kita."
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2010.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي مَنَا

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DIALAH yang telah menurunkan ketenangan dalam hati orang-orang yang beriman supaya keimanan mereka bertambah, di samping keimanan mereka yang sedia ada."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Fath, ayat 4).

Berkenan hantar perutusan tahniah



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang

Terutama Nguyen Xuan Phuc berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam.

Dalam titah perutusan kepada Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga Tuan Yang Terutama meraih kejayaan dalam jawatannya yang baharu itu dan seterusnya berharap dapat bekerja rapat dengan TYT dalam meningkatkan perhubungan yang sangat bernilai yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara sama ada secara dua hala mahupun rakan dalam ASEAN dan TPP.

Pada mengakhiri titah perutusan baginda itu, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT dan semoga TYT sentiasa dalam kegembiraan dan kesihatan yang berpanjangan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam.

Sektor perbankan kukuh

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Secara keseluruhan, penunjuk kukuhan kewangan utama dalam sektor perbankan kekal pada tahap yang kukuh.

Menurut Siaran Akhbar Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), pada penghujung bulan Disember 2015, nisbah kecukupan modal secara agregat bagi sektor perbankan adalah sebanyak 21.5 peratus yang mana adalah melebihi keperluan mandatori minima 10 peratus.

Pembiayaan bank telah meningkat sebanyak 7.2 peratus daripada BND5.7 bilion pada penghujung bulan Disember 2014 kepada BND6.1 bilion pada penghujung bulan Disember tahun lalu.

Nisbah penunjuk keuntungan, iaitu Return on Assets (ROA) dan Return on Equity (ROE) adalah masing-masing sebanyak 1.3 peratus dan 9.0 peratus.

Nisbah pembiayaan yang tidak berbayar telah menunjukkan pembaikan di mana nisbah berkenaan telah menurun kepada 4.9 peratus pada penghujung bulan Disember 2015 daripada 5.0 peratus pada penghujung bulan Disember 2014.

Maklumat berkenaan menunjukkan bahawa dasar-dasar *prudential* yang dikeluarkan oleh AMBD, ditambah pula dengan jumlah pendapatan yang mantap bagi kesemua bank telah

memastikan kukuhan yang berterusan dan sektor kewangan yang stabil.

Laporan kewangan bank-bank bagi tahun 2015 telah mencapai kesimpulan pada 31 Mac 2016 dengan penerbitan penyata kewangan bank-bank beraudit di akhbar-akhbar tempatan.

Penyata kewangan beraudit yang diterbitkan oleh bank-bank mengesahkan kenyataan AMBD yang diterbitkan pada awal tahun ini bahawa sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan keuntungan yang kukuh dan kualiti aset yang bertambah baik bagi tahun 2015.

Pada tahun ini, berdasarkan pada asas-asas tersebut, AMBD berhasrat untuk meneruskan penyediaan Rangka Kerja Basel II Capital Adequacy yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman menyatakan "Jumlah keuntungan dan prestasi sektor perbankan di negara ini telah menunjukkan keuntungan yang meningkat dan bukan sebaliknya. Manakala peraturan-peraturan AMBD pula telah memberikan kesan yang positif kepada nisbah pembiayaan tidak berbayar dan membolehkan pengguna untuk menguruskan hal ehwal kewangan mereka dengan lebih berkesan yang boleh memberi manfaat kepada ekonomi secara keseluruhan."



Muka 3

BRUNEI DPMM FC berpesta gol



Muka 4

BERANGKAT ke Majlis Penganugerahan PRYNISA 18

Pengambilan contoh darah, air kencing bagi bakal haji

Siaran Akhbar : Jabatan Urusan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin memaklumkan kepada bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang akan menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2016 Masihi, pengambilan contoh darah dan air kencing akan diadakan di keempat-empat daerah.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Urusan Haji, pada 9 April, Sabtu pengambilan contoh-contoh berkenaan akan diadakan di tiga daerah secara serentak, iaitu bagi Daerah Tutong bertempat di Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Daerah Temburong di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Pekan Bangar Temburong dan Daerah Belait di Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Manakala bagi Daerah Brunei dan Muara pada 11 April 2016 (Isnin) bertempat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Bandar Seri Begawan bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Sehubungan itu, semua bakal jemaah haji akan dapat hadir ke hospital-hospital yang berkenaan bagi membuat pengambilan contoh darah dan air kencing pada hari, tarikh dan masa yang telah diaturkan dengan membawa kad pintar serta kad Bru-HIMS masing-masing.

Semua bakal jemaah haji adalah dinasihatkan agar membuat pendaftaran terlebih dahulu di kaunter-kaunter penyambut tetamu pesakit luar yang telah disediakan sebelum menjalani pengambilan contoh darah dan air kencing.

Hari Keluarga Kebangsaan wujudkan masyarakat bersatu padu, pemedulian

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarkatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

DI awal kesempatan ini, peramba / kaola / saya sukacita ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) ke Mesyuarat Pertama Sambutan HKK bagi tahun 2016 ini.

Alhamdulillah, tahun ini merupakan tahun kelima, negara kita menyambut serta meraikan HKK, sebagai salah satu pengiktirafan yang mencerminkan bahawa kita adalah sebuah negara yang amat mementingkan hidup berkeluarga berlandaskan nilai-nilai yang murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh. Kita menyedari institusi keluarga memegang peranan paksi dan teras dalam memperkukuh dan memantapkan lagi kesejahteraan dan kebajikan masyarakat, dan seterusnya, akan turut menyumbang ke arah keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

Setelah empat tahun meraikan Sambutan HKK dengan seruan tema 'Keluarga Berwawasan' dan moto logo Keluargaku Harapanku melalui pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun, yang melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan khususnya agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan sektor swasta, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, mukim-mukim dan kampung-kampung serta kumpulan-kumpulan keluarga. Sambutan ini terus mendapat sokongan positif yang diharapkan telah menggalakkan serta dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan terutama sekali antara ahli-ahli keluarga yang jauh dan jarang berjumpa. Adalah sangat mengembirakan bilamana akhir-akhir ini pertemuan keluarga (*reunion*) secara besar-besaran dengan perisian aktiviti yang meriah untuk memupuk perpaduan dan keharmonian di antara setiap ahli keluarga yang terlibat. Dari aspek ini bolehlah kita rumuskan bahawa pada amnya, Sambutan HKK berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, pemedulian dan prihatin yang menyumbang kepada perpaduan dan kesejahteraan masyarakat kita bagi mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Di kesempatan ini, peramba / kaola / saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berjaya menggerakkan Sambutan Hari Keluarga di peringkat akar umbi dengan melibatkan institusi perundangan mukim di zon-zon tertentu masing-masing dan kampung, sokongan daripada Jabatan-Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta semua



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff berucap semasa mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 pada hari Isnin, 26 Jamadilakhir 1437 Hijrah bersamaan 4 April 2016 Masihi di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

pihak yang terlibat dalam menjayakan Sambutan HKK pada tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya.

Ahli-ahli jawatankuasa yang dihormati sekalian, mengimbas kembali antara tujuan Sambutan HKK ialah untuk mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui usaha sama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti; meningkatkan kualiti kehidupan dalam berkeluarga serta mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan institusi keluarga; dan membantu mencegah dan mengurangkan permasalahan kekeluargaan di negara ini.

Seperti jua di negara-negara lain, masyarakat kita hakikatnya juga tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran atau masalah sosial, disebabkan oleh kerapuhan institusi keluarga. Kes-kes perceraian, keganasan rumah tangga, pengabaian keluarga dan warga tua, keruntuhan

akhlak anak-anak seperti kanak-kanak yang lari dari rumah, serta sukar dikawal, merupakan manifestasi dari kelemahan institusi keluarga. Umpamanya dalam isu perceraian di kalangan pasangan yang beragama Islam. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, perangkaan pendaftaran perceraian di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan iaitu pada tahun 2012 : 537 kes, 2013 : 460, 2014 : 494, manakala pada tahun 2015 ialah sebanyak 524 kes. Manakala jumlah kes Remaja Sukar Dikawal yang diterima oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat juga menunjukkan tahap yang membimbangkan. Pada tahun 2012, 37 kes telah dilaporkan; 2013 - 27 kes; 2014 - 38 kes dan pada tahun 2015 ialah sebanyak 42 kes. Sementara itu, kita juga telah dikejutkan dengan beberapa kes penganiayaan dan pengabaian keluarga yang tersebar melalui media sosial, contohnya kes penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa yang menyalahgunakan dadah, kes kanak-kanak kurang upaya yang terabai dan juga kes pembuangan anak damit.

Walaupun pihak-pihak yang berkepentingan, telah menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membawa pesalah-pesalah ini ke muka pengadilan dan juga memberikan perlindungan kepada mangsa kanak-kanak yang terlibat. Adalah didapati tindakan-tindakan yang reaktif saja tidak akan dapat memperbaiki ataupun mengurangkan masalah sosial yang semakin mencabar dewasa ini. Oleh yang demikian adalah bertepatan sekali Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) memberikan hala tuju, agar pelaksanaan Sambutan HKK pada tahun ini direview semula dengan memberi fokus kepada penerapan nilai-nilai kekeluargaan yang meliputi kesejahteraan dan fungsi sebuah keluarga.

Justeru kerananya Sambutan HKK pada tahun ini, format sambutan telah diteliti semula, untuk memastikan keberkesanan dan objektif-objektif dapat dicapai, khususnya di kalangan keluarga-keluarga sasaran. Ini adalah setelah mengambil kira saranan daripada pelbagai pihak berkepentingan, khususnya MKIS dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dilantik bukan sahaja sewaktu permuakarah dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) malah semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12, MMN baru-baru ini. Ke arah ini, dengan mengekalkan tema yang ada penekanan akan difokuskan kepada meningkatkan penglibatan dan sumbangan institusi keluarga di Negara Brunei Darussalam kepada Wawasan Negara 2035, penghayatan konsep Melayu Islam Beraja dan pengujudan Negara Zikir.

Ke muka 5

Dari Sidang
Pengarang.

9 APRIL 2016 BERSAMAAN 1437 رجب 1

KELUARGA BERWAWASAN MENYUMBANG
KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

HARI Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini akan diadakan pada 1 Mei 2016 dengan bertepatan 'Keluarga Berwawasan' selaras dengan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun 2016. Keluarga berwawasan melahirkan generasi berwawasan yang bercirikan Melayu Islam Beraja yang bakal mencorak masa depan negara sebagai sebuah Negara 'Baladun Tayyibatun Warabun Ghafur'.

Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan memainkan peranan yang sangat besar dalam mewujudkan masyarakat yang pemedulian dan prihatin serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat untuk mempunyai masyarakat yang bersepadu dan mempunyai nilai teras. Ini mendukung kepada objektif Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan iaitu untuk mengukuhkan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program-program usaha sama yang cekap serta berkesan ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti; meningkatkan kualiti kehidupan dalam berkeluarga dan menggalakkan masyarakat di negara ini untuk membina keluarga yang bahagia yang harmoni juga kukuh serta berdaya tahan. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pengurangan permasalahan keluarga di negara ini.

Mari kita imbas kembali petikan ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 pada 4 April 2016 yang antara lain menekankan mengenai statistik yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, perangkaan pendaftaran perceraian di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan; tahun 2012 - 537 kes, 2013 - 460, 2014 - 494, dan tahun 2015 - 524 kes. Manakala jumlah kes Remaja Sukar Dikawal yang diterima oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat juga menunjukkan tahap yang membimbangkan di mana pada tahun 2012 sebanyak 37 kes, 2013 - 27 kes, 2014 - 38 kes dan pada tahun 2015 - 42 kes.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyentuh mengenai beberapa kes penganiayaan dan pengabaian keluarga yang tersebar melalui media sosial seperti kes penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa yang menyalahgunakan dadah, kes kanak-kanak kurang upaya yang terabai dan juga kes pembuangan anak damit.

Daripada perkara tersebut, jelas kepada kita bahawa kestabilan dalam sesebuah institusi keluarga memainkan peranan yang besar dan mendatangkan kesan yang mendalam kepada ahli sebuah keluarga. Keretakan institusi kekeluargaan antara punca remaja memberontak dan mula terjerumus dalam aktiviti jenayah, gejala sosial dan juga terjerumus ke dalam kancan najis dadah. Kesibukan ibu bapa yang terlalu mementingkan kerjaya dan aktiviti sendiri sehingga tidak mempunyai masa berkualiti untuk dikongsi bersama anak-anak. Akibatnya anak-anak berasa terabai dan kurang kasih sayang. Kurangnya pemantauan daripada ibu bapa juga menyebabkan remaja hilang arah dan haluan. Perhatian serta bimbingan perlu diberikan kepada remaja supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan pemikiran dan perbuatan yang negatif lebih-lebih lagi pada usia mereka yang masih terlalu mentah dan masih lagi tercari-cari identiti sebenar diri mereka.

Di sinilah pentingnya sebuah rumah tangga yang 'sakinah' yang berpaksikan 'mawaddah warahmah' (cinta dan kasih sayang dengan berlandaskan empat perkara iaitu suami / isteri yang setia (soleh / solehah); kedua, anak-anak yang berbakti; ketiga, lingkungan sosial yang sihat dan keempat, dekat rezekinya (murah rezekinya). Ini termasuk memberikan pengajaran dan pendidikan yang sempurna kepada ahli keluarga terutama sekali pendidikan agama kerana agama mengatur diri kita dalam mentadbir institusi rumah tangga. Hakikat sebuah kehidupan rumah tangga yang 'sakinah' adalah terletak kepada penerapan nilai-nilai agama dalam kehidupan berumah tangga yang semata-mata mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Semoga program perisian acara Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 pada tahun ini dapat menyumbang secara positif kepada pengukuhan institusi keluarga berlandaskan nilai-nilai murni, kasih sayang, hormat-menghormati dalam memperkukuh dan memantapkan kesejahteraan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam menepati objektifnya. 'Keluargaku Harapanku'. - **Ketua Penyuntingan (Nh).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari

SABTU	AHAD	ISNIN
 32°C / 26°C	 32°C / 26°C	 32°C / 26°C
 33°C / 26°C	 32°C / 26°C	 31°C / 26°C
 32°C / 26°C	 32°C / 26°C	 31°C / 26°C
 32°C / 26°C	 32°C / 26°C	 31°C / 25°C
 33°C / 26°C	 32°C / 27°C	 31°C / 26°C

Walaupun Bismillah
Sumber: JABATAN KEKUASAAN BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
Telefon: Talian Cuaca 114

وقت سمبھيغ دا عيرد برونى موارا دان تمپوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبھيغ . امساك . شوروق دان ضحى بائي دا عيرد برونى موارا درى هاري سبتو 9 افريل 2016 برسامان دغن 1 رجب 1437 هيفغ كهارى
جمعة 15 افريل 2016 برسامان 7 رجب 1437 اداله سقرت دباوه اين :

مسيحي	هاري	هجريه	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
افريل 9	سبتو	1 رجب	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	احد	2	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28	7.38
11	الثين	3	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
12	ثلاث	4	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	رابو	5	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	خميس	6	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	جمعة	7	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37

وقت 2 سمبھيغ بائي دا عيرد توتوغ دتميه ساتو مينيت دان دا عيرد بلايت دتميه نيغ مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دستوروه نكارا برونى دارالسلام
دمولاي درى فوكول 12.45 نغه هاري

AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
-----------------	--------------	--------------	-------------------	--	-----------------

Brunei DPMM FC berpesta gol



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Singapura di antara pasukan Brunei DPMM FC dan Garena Young Lions. Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 April. - Pasukan Brunei DPMM FC berpesta gol selepas beraksi dengan cemerlang di hadapan penonton sendiri selepas menang besar ke atas pasukan Garena Young Lions dengan jaringan 4-1 dalam Liga Singapura (Liga S), di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta kerabat diraja yang lain.

Pada separuh masa pertama perlawanan, pasukan Brunei DPMM FC mengejutkan pasukan lawan setelah membuka jaringan seawal minit ke-4 melalui jaringan Maududi Hilmi Kasmi hasil umpanan yang cantik daripada tandukan Rafael Ramazzoti susulan hantaran lintang yang dilakukan oleh Paulo Sergio dari sayap kanan.

Seminit sebelum separuh masa pertama berakhir, Fareez Farhan mengejutkan pasukan tuan rumah setelah menyamakan jaringan 1-1,

yang merupakan gol tunggal pasukan Garena Young Lions pada perlawanan tersebut.

Kembali beraksi pada separuh masa kedua, pasukan Brunei DPMM FC sekali lagi mendahului pasukan lawan pada minit ke-50 apabila sepakan sudut yang tepat daripada Azwan Ali Rahman berjaya disudahi dengan tandukan cantik oleh pemain kelahiran asal Brazil, Rafael Ramazzoti.

Nasib pasukan Garena Young Lions bertambah buruk apabila pemain bek tengah berjersi 25 pasukan tersebut, Amirul Adli Azim menjaringkan gol sendiri pada minit ke-58 setelah menerima asakan daripada pemain pasukan Brunei DPMM FC.

Sepakan penalti tajam daripada Paulo Sergio menjadikan kedudukan 4-1 pada minit ke-82, setelah pemain asal Portugis itu dikasari oleh pemain pelawat di dalam kotak penalti.

Sementara itu, dalam perlawanan lain, Albirex Niigata FC pula membelasah Home United FC dengan jaringan yang berkesudahan 3-0 di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Kemenangan tersebut meletakkan pasukan Brunei DPMM FC tempat keempat dengan mengutip 11 mata, 3 mata di belakang pendahulu liga, Albirex Niigata FC yang mengutip 14 mata setakat ini.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.



KETUA Pasukan Brunei DPMM FC, Rosmin Kamis melepaskan rembatan yang cuba dihalang oleh para pemain Garena Young Lions.



PENYERANG Brunei DPMM FC, Paulo Sergio semasa mengatur serangan ke kawasan Garena Young Lions.

Berangkat ke Majlis Penganugerahan PRYNOSA 18



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Princess Rashidah Young Nature Scientist Award (PRYNOSA) 18 bagi Tahun 2016. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad, Shazana Khairunnisa Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Princess Rashidah Young Nature Scientist Award (PRYNOSA) 18 bagi Tahun 2016.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia yang juga selaku Penaung Diraja PRYNOSA di Hotel Antarabangsa Rizqun di sini dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu PRYNOSA.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sembah alu-aluannya menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis YTM kerana sudi berangkat ke majlis berkenaan.

Yang Berhormat kemudian menyebarkan tema PRYNOSA 18 'Penyelidikan Biodiversiti bagi Pembangunan Belia Negara' adalah bertepatan dengan cabaran global kekurangan biodiversiti yang dihadapi pada masa kini.

"Pemahaman biodiversiti melalui penyelidikan menyediakan maklumat asas untuk penggubalan dasar yang berkesan yang akan membimbing tindakan ke arah pengurusan hutan yang mampan," sembahnya.

Menurut Yang Berhormat, penglibatan belia kita dalam penyelidikan biodiversiti adalah langkah utama untuk mempersiapkan mereka dalam pengurusan sumber asli dan seterusnya menjadi pemimpin yang berwibawa dalam membentuk masa depan kesejahteraan sosial negara, kestabilan alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi.

Jelas Yang Berhormat, biodiversiti dan belia kita adalah antara harta yang paling penting dalam negara dan ia bernilai untuk diserlahkan dalam PRYNOSA.

"Sektor perhutanan Brunei Darussalam tertumpu kepada peningkatan sumbangan perhutanan kepada produk negara kasar. Ia perlu bagi kita untuk terus meningkatkan kemampuan pengeluaran barang dan perkhidmatan perhutanan, dan

peningkatan sumber pemahaman dan pengurusan kapasiti perhutanan bagi semua pihak yang berkepentingan," ujar Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, kita perlu mengkaji semula dasar-dasar dalam menyediakan peluang-peluang baharu untuk kehidupan masyarakat, perdagangan karbon, bayaran perkhidmatan ekosistem, prospek biologi, dan pembangunan pelancongan ekologi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, ia penting bagi kita untuk mengoptimalkan penggunaan barangan dan perkhidmatan perhutanan memandangkan peranan penting hutan sebagai penampungan semula jadi kepada inisiatif industri negara yang agresif ke arah kepelbagaian ekonomi.

Tambah Yang Berhormat, PRYNOSA secara proaktif bertindak balas kepada Wawasan Negara 2035 dan usaha kita secara langsung menangani visi wawasan masyarakat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Kesalinghubungan inisiatif PRYNOSA dan Wawasan 2035 bertujuan ke arah peningkatan kualiti hidup melalui kajian alam sekitar, sokongan dan pendidikan yang berkualiti.

Selaras dengan trend global kata Yang Berhormat, PRYNOSA bertujuan untuk menyumbang kepada pembentukan sebuah ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Wawasan 2035.

"Kami berhasrat untuk membentuk disiplin dan etika ke arah belia yang berdikari, keusahawanan, dan patriotik dalam usaha bagi kecemerlangan akademik, perkembangan sosial dan rohani. Kami juga menyokong pembangunan sains dan teknologi Brunei seperti meneruskan penyelidikan dan perkembangan program-program dan pembangunan sumber daya manusia," ujar Yang Berhormat lagi.

Pada majlis itu, YTM berkenan menyaksikan pembentangan projek

daripada PRYNOSA 18 dan seterusnya mengurniakan anugerah kepada para pemenang PRYNOSA 18.

Johan PRYNOSA 18 dimenangi oleh Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong dengan projek mereka bertajuk 'A Study of Stingless Bees in Meliponiculture Area of Brunei Darussalam and the Physicochemical Composition of their Natural Honey' yang memenangi wang tunai BND4,000 bersama trofi dan sijil.

Naib johan menerima wang tunai sebanyak BND3,000 bersama trofi dan sijil diberikan kepada Sekolah Menengah Chung Hwa dengan projek mereka bertajuk 'The Ecological and Socio-Economic Importance of Water Lily (Genus : Nymphaea) in Brunei Fresh Water Ecosystem' dan tempat ketiga dengan menerima wang tunai BND2,000 bersama trofi dan sijil diraih oleh Sekolah Menengah Awang Semaun dengan projek mereka bertajuk 'Biological Studies of Mud Crabs (Scylla serata) at Kampung Sungai Asam'.

Dua buah sekolah lagi yang menerima hadiah sagu hati adalah Sekolah Menengah Menglait dan Sekolah St. John's, Kuala Belait.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM juga berkenan menyaksikan pameran mini bagi projek-projek yang telah dipersembahkan oleh sekolah-sekolah yang terlibat dalam PRYNOSA 18.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; Timbalan Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum Co. Sendirian Berhad, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu dan Pemangku Pengarah Jabatan Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang PRYNOSA 18 bagi Tahun 2016 yang diraih oleh Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.



ANTARA pelajar yang hadir pada majlis tersebut (kiri).



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah berkenan menyaksikan projek juara PRYNOSA 18 dari Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong yang bertajuk 'A Study of Stingless Bees in Meliponiculture Area of Brunei Darussalam and the Physicochemical Composition of their Natural Honey'.

Bantu pelanggan buat keputusan tepat

BANDAR SERI BEGAWAN, Permotoran BN 2016 (Motoring BN Khamis, 7 April. - Pameran Auto Auto Show 2016) akan menyaksikan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (kiri) semasa melawat salah satu petak pameran dari Syarikat NBT Brunei.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

keluaran kereta baharu serta memberikan promosi kepada para pelanggannya sepanjang empat hari berlangsung yang akan berakhir Ahad ini nanti.

Hadir melancarkan pameran yang berlangsung di kawasan lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin yang juga selaku Pengarah Urusan Goh Hock Kee Motors Sendirian Berhad.

Terdahulu, Pengurus Am Perkhidmatan Latihan CONFEX, Hafriz Musa dalam alu-aluannya berkata, misi utama melalui pameran yang diselenggarakan itu bagi menyediakan penerangan secara lebih dekat mengenai kenderaan terkini yang setentunya membantu para pelanggan untuk membuat keputusan yang tepat sebelum

membelinya.

Bagi merealisasikan itu, Hafriz berkata, mereka telah meletakkan tiga strategik teras dengan pendekatan secara holistik.

Katanya, salah satunya ialah penerbitan majalah dan walaupun masih di peringkat awal akan tetapi penerbitan majalah itu telah mencapai pembaca seramai 60 ribu sepanjang tahun lalu dan jumlah tersebut akan terus berkembang.

Seterusnya menjadi hos bagi Pameran Auto Antarabangsa di negara ini setiap tahun yang mampu dilakukan melalui rangkaian yang semakin berkembang menerusi kerjasama individu dan beberapa syarikat bersama permotoran BN.

"Permotoran BN akan menjadi tuan rumah kepada acara terbesar iaitu 'Pameran Minggu Auto' (Auto Show Week) pada tahun hadapan bermula dari 31 Mac sehingga 3 April nanti. Acara yang berskala besar dan menarik itu tidak akan berlaku tanpa penyertaan sepenuhnya daripada semua pihak yang berkepentingan, para peniaga dan pembekal yang tentunya akan memberi manfaat kepada para pelanggan," ujarnya.

Tambahnya, acara seumpama itu akan memberikan inspirasi kepada lebih ramai lagi yang memerlukan kejayaan antara kerjasama sektor awam dan swasta.

Strategi seterusnya, tambah Hafriz, memerlukan kita untuk terus kekal terkini dan relevan dalam dunia digital yang bergerak begitu pantas.

Katanya, mereka akan melancarkan perkhidmatan multimedia secara komprehensif yang antara lain akan membolehkan untuk mentransformasikan pandangan dan cerita mengenai automobil mereka kepada berbentuk video berdefinisi tinggi.

"Teknologi seperti ini akan membolehkan kami untuk menyiarkan dan memuat naik dengan lebih pantas pada klik butang bagi memberikan satu dimensi baharu dan pengalaman yang unik kepada para pembeli," tambahnya lagi.

Yang Berhormat juga seterusnya merasmikan pengeluaran kereta import baharu dari Syarikat Goh Hock Kee Motors Sendirian Berhad iaitu Perodua Myvi dan Perodua Alza serta berpeluang melihat secara dekat Jeep Renegade yang akan dilancarkan pada Sabtu ini nanti.

Larian Reben Merah, 10 April 2016

Siaran Akhbar : Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 April. - Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya HIV/AIDS dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam AIDS Council - BDAC) akan menganjurkan Larian Reben Merah (Red Ribbon Run - RRR) 2016 Ahad ini, 10 April 2016.

Larian tersebut merupakan platform untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai faktor-faktor risiko HIV/AIDS di kalangan masyarakat, menggalakkan orang ramai yang berisiko untuk membuat pemeriksaan di kesemua pusat-pusat kesihatan atau klinik-klinik swasta di samping menanamkan sikap dan amalan mencegah lebih baik dari mengubati.

Yang Dipertua BDAC, Iswandy Ahmad berkata statistik dari Kementerian Kesihatan tahun lepas menunjukkan bahawa Brunei Darussalam telah mencatatkan jumlah keseluruhan tahunan tertinggi kes HIV tahun lepas di mana sejumlah 28 kes telah direkodkan iaitu dua kali ganda jumlah yang direkodkan pada tahun 2014.

Daripada jumlah tersebut, tujuh

darinya terdiri daripada kaum wanita. Peningkatan penglibatan wanita dalam HIV / AIDS ini tambahannya menunjukkan satu trend yang membimbangkan di mana pada tahun-tahun lalu, wanita merupakan jumlah minoriti yang terlibat dalam kes HIV.

"Brunei Darussalam sentiasa menanamkan kepercayaan bahawa kunci kepada kesedaran terhadap epidemik HIV ialah pendekatan bersepadu pelbagai sektor termasuk agensi kerajaan berkaitan serta pihak-pihak yang berkepentingan seperti BDAC and Standard Chartered Bank Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kesihatan sebagai agensi peneraju," ujarnya.

BDAC jelasnya, turut melahirkan kebimbangan atas peningkatan bilangan kes yang ketara dan percaya bahawa usaha yang dipelopori oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani isu ini sepatutnya mendapat sokongan dan kerjasama dari agensi kerajaan yang lain. Usaha tersebut katanya perlu lebih memfokuskan terhadap peningkatan kesedaran dan pendidikan terhadap pencegahan HIV dan jangkitan-jangkitan (STIs) yang diperolehi melalui seks terutamanya

antara kebanyakan kumpulan-kumpulan berisiko termasuk belia dan lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki.

"Dalam hal ini, BDAC percaya bahawa pengenalan mengenai pendidikan reproduktif yang komprehensif di sekolah akan memainkan peranan dalam mengurangkan jumlah kes HIV dalam jangka panjang," jelasnya lagi.

Pada masa yang sama tambahannya, BDAC juga percaya bahawa sebarang tindakan perlu menghormati dan melindungi hak orang awam yang menghidap HIV (PLHIV) dan penduduk paling berisiko yang mungkin menghadapi diskriminasi dan stigma berdasarkan status mereka.

Kesemua hasil kutipan daripada larian berkenaan akan disumbangkan kepada program-program kesedaran HIV/AIDS yang dikendalikan oleh majlis tersebut di samping program-program pemerksaan belia di negara ini.

Para peserta yang mengikuti larian tersebut diminta berhimpun di Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Commonwealth Drive mulai jam | 5.45 pagi.

Larian terbahagi kepada tiga kategori iaitu Larian Sejauh 3, 5 dan 10 Kilometer.

Menyalahgunakan nama AMBD

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mendapati ada beberapa orang perseorangan yang menyamar sebagai pegawai atau kakitangan AMBD dan seterusnya, menyalahgunakan nama AMBD, dalam persuratan bagi menjalankan urusan niaga masing-masing.

AMBD ingin menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati dan terlebih dahulu mengesahkan mana-mana persuratan AMBD yang diragui kesahihannya sebelum menjalankan sebarang urusan niaga.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD melalui talian 2388388 atau e-mel info@ambd.gov.bn.

Dakwaan mata wang BND100 palsu tidak benar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 April. - Berhubung dengan pesanan ringkas yang mendakwa bahawa mata wang palsu denominasi BND100 ada dalamedaran pada masa ini, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pihak AMBD tidak menerima sebarang aduan secara rasmi mengenai mata wang tersebut.

AMBD memohon kerjasama orang ramai untuk tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak sah dan boleh mengelirukan orang awam.

Sebarang keraguan mengenai mata wang Negara Brunei Darussalam, sila hubungi AMBD di talian +673 2382186 atau melalui e-mel : cmmdcg@ambd.gov.bn.

HALUAN

Hari Keluarga Kebangsaan wujudkan masyarakat bersatu padu, pemedulian

Dari muka 2

Memandangkan masalah sosial yang berbangkit dari kelemahan institusi keluarga, merupakan isu nasional, maka tanggungjawab bagi menangani masalah ini seawal dan sesegeranya perlu dipikul bersama. Semua pihak sama ada secara kumpulan atau individu perlu berganding bahu dan bekerjasama bukan sahaja untuk merawat tetapi juga untuk mencegahnya. Untuk itu, Sambutan HKK merupakan salah satu mekanisme atau wadah pencegahan peringkat nasional yang boleh diguna pakai untuk mencerminkan penglibatan dan komitmen tinggi dari semua lapisan masyarakat termasuk sektor swasta melalui tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility) mereka. Ini juga adalah selaras dengan

kaedah pendekatan keseluruhan negara dan masyarakat (*whole of nation and whole of society approach*) selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Belanjawan 2016-2017 telah memperuntukkan sejumlah BND250,000.00 bagi Program Pengukuhan Institusi Keluarga. Ini menunjukkan keprihatinan mendalam dan penekanan berterusan akan pentingnya pengukuhan institusi keluarga di dalam menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara, ke arah memperkukuhkan kestabilan dan keselamatan sosial, serta mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di berbagai-bagai

peringkat.

Mengenai dengan program yang akan mengisikan acara Sambutan HKK 2016 pada tahun ini, kita perlu memantapkan lagi program dan kegiatan yang akan diadakan dengan mengambil kira isu-isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat masa kini dan juga bagaimana institusi keluarga di Negara Brunei Darussalam dapat menyumbang secara positif kepada pencapaian Wawasan Negara 2035, penghayatan konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir dengan matlamat pencapaian hakiki negara yang baik dan mendapat pengampunan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala (*Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*).

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian memandangkan, hari Ahad pertama di bulan Mei yang telah negara pilih sebagai Sambutan HKK

adalah bertepatan 1 Mei 2016 pada tahun ini jatuh pada bulan Rejab 1437 Hijrah adalah diharapkan kitani Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK 2016 pada pagi ini selaras dengan kedudukannya di peringkat eksklusif dan strategik akan dapat sama-sama memikirkan dan menambah baik lagi format sambutan yang dicadangkan di peringkat urus setia agar sambutan kali ini yang bersukut baik bulan mulia Islam betul-betul *walih* dapat memberi impak besar kepada keluarga khususnya dan masyarakat secara umumnya dan sekali gus dapat menyumbang secara berkesan dalam mengatasi isu dan gejala sosial yang melanda masyarakat kita dewasa ini.

Bagi menayakan sambutan pada tahun ini, peramba / kaola / saya sekali lagi mengharap agar semua pihak sama ada dari kementerian-

kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, swasta, pertubuhan dan persatuan-persatuan, institusi-institusi, penghulu dan ketua kampung serta pemimpin akar umbi agar terus memberikan komitmen serta kerjasama yang bersepadu terutama pada menggerakkan acara-acara sambutan sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat ataupun kumpulan keluarga masing-masing.

Bagi agenda seterusnya peramba / kaola / saya mempersilakan Yang Mulia Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, pihak urus setia untuk menyampaikan cadangan format Sambutan HKK Tahun 2016 yang telah awal dirangka sebelum sesi perbincangan dibuka.

Komited tarik lebih ramai pelancong

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim, Md. Ifwat Zakwan Zainudin
Foto : Md. Ifwat Zakwan Zainudin

TEMBURONG, Rabu, 6 April. - Sejak perasmian awal tahun ini, Taman Pengembaraan Freme (Freme Adventure Park), di daerah ini dan tempat penginapan Freme Rainforest Lodge menerima jumlah kunjungan pelancong yang memberangsangkan.

Hasil daripada maklum balas positif yang diterima, jelas terbukti bahawa Freme Adventure Park, terletak di Kampung Batang Duri, Mukim Amo, memainkan peranan penting dalam mempromosi Daerah Temburong

amnya dan Negara Brunei Darussalam secara khususnya sebagai destinasi utama di rantau ini bagi menikmati keindahan alam semula jadi dan mengetahui budaya setempat serta mengalami pengembaraan menyeronokkan.

Serombongan pengamal media kerajaan dan swasta serta perwakilan dari sektor-sektor perhotelan telah dibawa meninjau kemudahan yang ditawarkan oleh agensi pelancongan tersebut yang komited berusaha untuk

menarik lebih ramai pelancong baik dari dalam dan luar negara.

Lawatan juga disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Antara kemudahan di Freme Adventure Park yang bakal menarik perhatian dan mencabar keberanian para pengunjung dan pelancong terutama mereka yang menggemari aktiviti tahan lasak ialah Menara Pendakian Gibbon (Gibbon Climbing Tower) setinggi 12 Meter.

Juga terdapat di taman tersebut, jambatan gantung sejauh 70 meter dan kanopi setinggi 40 meter yang membolehkan para pelancong menyaksikan keindahan panorama hutan hujan selain trek pejalan kaki.

Semua kemudahan tersebut direka dan dibina selaras dengan Association for Challenge Course Technology - ACCT atau menurut Piawai Eropah.

Isu-isu keselamatan dan alam sekitar menjadi agenda utama Freme Travel Services dan perhatian khusus diberikan kepada kebersihan dan pelupusan sisa, risiko pencemaran air dan kebajikan keselamatan pengunjung / pelancong.

Rombongan juga menyaksikan tunjuk cara memasak masakan tradisi

Puak Iban, 'Manuk Lulun', iaitu masakan ikan di dalam buluh dan 'Pulut Lulun', iaitu masakan beras pulut di dalam buluh.

Semasa lawatan, rombongan dibawa meninjau kemudahan tempat tinggal di Freme Rainforest Lodge yang berkeupayaan menempatkan kira-kira 40 orang dalam satu masa dengan menyediakan bilik-bilik berhawa dingin, tandas, bilik air, ruang tamu dan kawasan letak kereta.

Ke arah menarik lebih ramai

pelancong mengikuti kemudahan di taman tersebut, Freme Travel Services akan menganjurkan Freme Travel Fair Ke-13 di mana agensi berkenaan akan memberikan harga istimewa bagi pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan oleh agensi tersebut.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai, mereka yang berminat bolehlah melayari Facebook 'Freme Travel Services' atau melalui surat khabar tempatan.



ANTARA aktiviti tahan lasak yang terdapat di Freme Adventure Park iaitu Menara Pendakian Gibbon.

Peralatan ujian kecergasan diserahkan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad, Shazanna Khairunnisa Abu Bakar



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee (kiri) mengagihkan peralatan ujian kecergasan jasmani pada sekolah-sekolah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 April. - Negara Brunei Darussalam bersama Negeri Sabah dan Sarawak terus mengukuhkan hubungan dua hala tidak terkecuali dalam bidang lawatan persejarahan.

Seramai 11 pensyarah dari Institut Aminuddin Baki (IAB) Cawangan Sabah dan Sarawak mengadakan lawatan ke Pusat Sejarah Brunei (PSB) di ibu negara.

Rombongan diketuai bersama oleh

Pengarah IAB, Cawangan Sabah, Lew Yeok Leng dan Pengarah IAB, Cawangan Sarawak, Dr. Shahri bin Abdul Rahman.

Ketibaan rombongan di PSB dialu-alukan oleh Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Hanafi bin Haji Salleh.

Pada lawatan tersebut, rombongan berpeluang mendengarkan taklimat mengenai PSB dan Pusat Pengkajian Borneo yang disampaikan oleh



PEMANGKU Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Awang Hanafi bin Haji Salleh (sembilan, kanan) bergambar kenangan bersama rombongan Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah dan Sarawak semasa membuat lawatan kerja ke PSB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 April. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Jasmani mengagihkan peralatan ujian kecergasan kepada 18 buah sekolah menengah dan rendah.

Majlis Penyerahan Peralatan Ujian Kecergasan Jasmani Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Tahun 2016 diadakan di ruang legar, Bangunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Sekolah-sekolah yang menerima ialah

Sekolah Menengah Sultan Hassan, Sekolah Menengah Masin, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Sekolah Menengah Awang Semaun, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Sekolah Menengah Rimba II, Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Sekolah Rendah Katok, Sekolah Rendah Negalang, Sekolah Rendah Jerudong, Sekolah Rendah Pantai Berakas, Sekolah Rendah Delima Satu, Sekolah Rendah Serasa, Sekolah Rendah Muda Hashim, Sekolah Rendah Bukit Udal, Sekolah Rendah PSB SOAS, Sekolah Rendah

Orang Kaya Pemancha Berandai Bukit Sawat dan Sekolah Rendah Rataie.

Peralatan ujian kecergasan yang disampaikan terdiri dari 'Automatic Blood Pressure Monitor', 'Digital Weight Management', 'Digital Stop Watch' dan 'Exercise Mat'.

Dengan adanya peralatan berkenaan Program Sihat dan Cergas (SDC) akan dapat dilaksanakan dengan mudah yang objektifnya untuk mengukur dan merekod tahap kecergasan fizikal pelajar, menganalisa dan mentafsir kecergasan fizikal sendiri dan mengetahui tahap kecergasan sendiri.

PSB terima lawatan IAB

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Pemangku Pegawai Sejarah, Awang Hazwan.

Selepas taklimat, rombongan dibawa melawat ke Perpustakaan PSB dan Galeri Pameran serta ke kedai buku PSB.

Lawatan kerja selama empat hari itu antara lain bertujuan untuk mengenal budaya masyarakat di negara ini, di samping untuk mendedahkan kaedah dan metode penyelidikan serta persejarahan negara.

Selain PSB, rombongan juga akan membuat lawatan ke beberapa institusi-institusi lain di negara ini termasuk Universiti Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Muzium Kota Batu.

MPK Sengkurong 'B', Perkumpulan Wanita anjur Majlis Penghargaan

SENGKURONG, Selasa, 5 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' dan Perkumpulan

Wanita MPK Sengkurong 'B' mengadakan Majlis Penghargaan bagi Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia

Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail dan isteri, Datin Dayang Hajah Samsiah binti Haji Abdul Rahman atas sumbangan mereka sepanjang menjadi Penasihat Majlis berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluannya pada majlis yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, itu, Penghulu Mukim Sengkurong merangkap Pengerusi Majlis, Awang Haji Musa bin Haji Tahir mewakili seluruh Ahli-ahli MPK Sengkurong 'B' dan Perkumpulan Wanita MPK Sengkurong 'B' mengucapkan penghargaan dan tahniah di atas pengurniaan Surat Watikah Pelantikan TYT menjadi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi pada 23 Mac 2016 yang lalu.

Menurutnya, TYT telah banyak membantu MPK Sengkurong 'B' sewaktu menjadi penasihat MPK berkenaan semenjak tahun 2006, dalam mengemukakan pelbagai aktiviti yang dibuat atau dirancang oleh MPK tersebut ke arah menjana kepada kesejahteraan penduduk kampung.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Di samping itu, jelas beliau, TYT juga membantu mengemukakan aktiviti-aktiviti yang dibuat secara berkala termasuk mengadakan Doa Arwah Sekampung, Majlis Berbuka Puasa bersama-sama anak yatim, Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri semukim, aktiviti-aktiviti keagamaan serta menyumbangkan hadiah-hadiah Peraduan Membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan banyak lagi.

Beliau menambah, isteri TYT yang dilantik menjadi Penasihat Perkumpulan Wanita MPK Sengkurong 'B' sejak penubuhannya pada 11 Disember 2009, juga sentiasa memberikan sumbangan buah fikiran, nasihat dan juga sumbangan kewangan bagi menjayakan apa jua majlis yang dianjurkan Perkumpulan Wanita berkenaan.

Menurutnya, setelah tertubuhnya Perkumpulan Wanita ini, pelbagai aktiviti telah dibuat dan dirancang

untuk kesejahteraan ahli-ahli dan penduduk kampung bahagian wanita termasuk mengadakan kelas-kelas Al-Quran untuk wanita, mengadakan Majlis Khatam Al-Quran pada bulan Ramadan dan Majlis Dikir Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Pada kesimpulannya sumbangan TYT Dato Penasihat dan Yang Mulia datin amat menyerlah dalam membantu MPK Sengkurong 'B,'" ujar Awang Haji Musa.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada TYT dan isteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada TYT Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail menjadi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi pada 23 Mac yang lalu, di Istana Nurul Iman.



PENGHULU Mukim Sengkurong 'B', Awang Haji Musa bin Haji Tahir menyampaikan cenderahati kepada Penasihat Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B', Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail (kanan) pada Majlis Penghargaan yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.



PENASIHAT Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B', Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail (duduk, lima dari kiri) dalam sesi bergambar ramai pada Majlis Penghargaan tersebut.

Lawatan muhibah BASMIDA ke PEMADAM



YANG Dipertua Persatuan BASMIDA, Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali (dua, kiri) menyampaikan cenderamata kepada Pengerusi PEMADAM, Puan Hajah Hamidah binti Haji Bakir (kanan) yang juga selaku Pegawai Daerah Limbang, Sarawak.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim

LIMBANG, SARAWAK, Ahad, 3 April. - Seramai 22 orang ahli rombongan Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan muhibah ke Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Cawangan Daerah Limbang, di sini.

Mengetuai rombongan ialah Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Turut sama ialah Naib Yang Dipertua Persatuan BASMIDA Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Ketibaan rombongan di Dewan Kampung Bunga Raya, Daerah

Limbang telah dialu-alukan oleh Wali Kota Majlis Daerah Limbang, Tuan Sufian bin Mohat dan Pengerusi PEMADAM, Puan Hajah Hamidah binti Haji Bakir yang juga selaku Pegawai Daerah Limbang, Sarawak serta Ahli Jawatankuasa Persatuan PEMADAM.

Rombongan kemudiannya diberikan taklimat mengenai PEMADAM cawangan Daerah Limbang yang disampaikan oleh Setiausaha PEMADAM, Puan Marcella Lily dan dibawa melawat ke Cure and Care Service Center (CCSC), iaitu tempat rawatan pemulihan penagih dadah yang menyediakan pelbagai program dan aktiviti.

Dua saman kompaun dikeluarkan

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

SERIA, Selasa, 5 April. - Dua kes saman kompaun dikeluarkan ke atas dua pemandu semasa Kempen Keselamatan Jalan Raya yang dijalankan oleh Mashhor General Contractor Sdn. Bhd. bersama Anggota Polis Daerah Belait.

Pemandu yang diberikan saman didapati membawa lebih muatan selain kesalahan tayar lebar manakala tujuh kesalahan lain dicatatkan dan diberikan amaran kepada pemandu.

Kempen Keselamatan Jalan Raya yang dijalankan di kawasan G22 Jalan Pangsa Seria itu diketuai oleh Penolong Pegawai Penguasa Balai Polis Seria, P/ASP Haji Mohd Helmi bin Haji Abdullah.

Seramai 10 anggota Balai Polis Seria dan lima anggota polis dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas Batu 3 Belait telah terlibat dalam Kempen Keselamatan Jalan Raya tersebut.



KEMPEN Keselamatan Jalan Raya yang dijalankan di kawasan G22 Jalan Pangsa Seria.

Penggredan tingkatkan imej premis makanan

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Khedn), Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar (kiri) menggantung sijil penggredan kepada salah sebuah kedai makan di Kuala Belait.

KUALA BELAIT, Selasa, 5 April. - Panel Pemeriksaan Penilaian 'Grading' Kedai Makan dan Restoran di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria telah dapat melaksanakan penggredan kedai makan dan restoran di bangunan-bangunan komersial termasuk Bangunan Sentral Shopping Centre, Jalan Seri Maharaja yang baharu pada tahun ini.

Sementara penggredan oleh Panel Pemeriksa telah diadakan pada awal bulan Februari hingga selesai pada pertengahan bulan Mac 2016 yang lalu.

Panel Pemeriksaan Penilaian disokong oleh pegawai-pegawai

dari Jabatan Kesihatan, Kuala Belait, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dan wakil-wakil perseorangan daripada pihak swasta, termasuk pegawai-pegawai dari Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria sendiri.

Kerjasama erat agensi-agensi kerajaan dan komitmen sepenuhnya daripada pihak perseorangan dan juga swasta telah dilantik untuk menjadi Panel Pemeriksaan Penilaian.

Usaha itu dihasratkan untuk mendukung meningkatkan kemajuan Bandar Kuala Belait dan Seria menjadi bandar yang dikenali dengan imej premis-premis makanan yang mempunyai kualiti kebersihan yang

terbaik dan cemerlang.

Penggredan Fasa 1 tahun 2016, sebanyak 12 kedai makan dan restoran di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria yang diberikan penggredan dan seramai 11 pengurus kedai makanan dan restoran telah menerima sijil Gred 'A' dan hanya satu pengurus kedai makanan dan restoran akan menerima sijil Gred 'B'.

Pencapaian Sijil Gred 'A' adalah mencapai 92 peratus yang mana pencapaian pada tahap sangat cemerlang. Di dalam Bangunan Sentral Shopping Centre, Jalan Seri Maharaja yang mana kesemua lapan buah kedai makan dan restoran yang dinilai penggredan telah mencapai

100 peratus mendapat sijil Gred 'A'.

Panel Pemeriksaan Penilaian mendapati bahawa pengurus-pengurus premis makanan atau kedai makan dan restoran telah berjaya membuat perubahan yang positif kerana prestasi cemerlang ini adalah hasil daripada kemahuan sikap mahu berubah kepada budaya kebersihan dan perubahan minda yang ketara daripada keseluruhan pengurus-pengurus premis makanan.

Panel Pemeriksaan Penilaian 'Grading' Kedai Makan dan Restoran di bawah kawalan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria seterusnya sedang proses melaksanakan penggredan terhadap 27 buah kedai makan dan restoran lagi bagi Fasa 2 bagi tahun 2016 yang telah bermula pada hujung Mac 2016 yang lalu yang mana dijangka pada hujung bulan April 2016

sementara penilaian akhir bagi penggredan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Panel Pemeriksaan Penilaian.

Orang ramai dan semua pihak-pihak yang berkepentingan di Bandar Kuala Belait dan Seria diseru untuk menyokong dan mendukung usaha-usaha penggredan kedai makan, restoran di dalam kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria terutama kepada pengurus-pengurus kedai makan dan restoran sedang dalam proses penilaian pada ketika ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar yang juga menyampaikan sijil kepada seramai 11 pengurus kedai makanan dan restoran.



TIMBALAN Setiausaha Tetap KHEdN, Awang Haji Muhammad Sunadi menyampaikan sijil kepada salah seorang daripada 11 pengendali kedai makan dan restoran di Daerah Belait.

Dasar WSH perlu dipatuhi

TUNGKU, Isnin, 4 April. - Pejabat Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (OSHE), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan satu Sesi Ceramah

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Brunei Darussalam



INSPEKTOR Kanan Buruh dari Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohammad Noorfaizal bin Haji Osmena ketika menyampaikan ceramahnya mengenai Perintah dan Peraturan Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja Negara Brunei Darussalam (WSHO).

dan Perkongsian Mengenai Perintah dan Peraturan Keselamatan Kesihatan di Tempat Kerja Negara Brunei Darussalam (WSHO) yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD, di sini.

Ceramah tersebut telah dikendalikan oleh Inspektor Kanan Buruh dari Jabatan Buruh Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohammad Noorfaizal bin Haji Osmena.

Ceramah yang dihadiri oleh pengurusan kanan, pengetua-pengetua dan pegawai-pegawai UBD adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran akan kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan menekankan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai majikan atau pengurus untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan para pekerja dan pelajar.

Ceramah tersebut diisi dengan sesi taklimat, perkongsian dan soal jawab yang merangkumi skop undang-undang dan Perintah Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSH) 2009 yang sedia ada serta peraturan-peraturan yang berkaitan.

Ketua OSHE, UBD, Awang Haji Hazilan bin Haji Ramli selaku

pengerusi ceramah berkenaan dalam ucapan pembukaannya menekankan bahawa kesihatan dan keselamatan harus dijadikan fokus utama dalam agenda perniagaan teras atau operasi setiap organisasi.

Beliau menegaskan bahawa kecederaan, kemalangan atau masalah kesihatan di tempat kerja sebenarnya boleh dielakkan, akan tetapi ianya sering kali berlaku disebabkan pelaksanaan dan pemantauan Dasar WSH yang tidak betul.

Kecuaian pihak majikan atau pengurusan dalam memastikan Dasar WSH dipatuhi juga merupakan salah satu penyebab kecederaan, kemalangan atau masalah kesihatan di tempat kerja berlaku. Seseengah majikan lebih mementingkan hasil tugas itu dijalankan dan diselesaikan tanpa mengambil kira aspek keselamatan, yang pada akhirnya memberi kesan kepada kesihatan dan kehidupan para pekerja.

Di akhir ucapannya, Awang Haji Hazilan mengesyorkan bahawa keselamatan dan kesihatan hendaklah dijadikan sebahagian daripada budaya hidup sehari-hari, tidak terhad kepada persekitaran rumah tetapi juga di tempat kerja atau persekitaran pembelajaran.

Acara kemuncak ceramah ialah sesi soal jawab dengan Inspektor



PENGURUS Kanan, pengetua-pengetua dan pegawai-pegawai Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir dan menyertai sesi soal jawab di Sesi Ceramah dan Perkongsian Mengenai WSHO yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD.

Kanan Buruh, Awang Mohammad Noorfaizal dan Awang Hazmin Hatta bin Haji Hamzah mengenai isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat beberapa kesimpulan mengenai isu-isu sebenar penyakit yang terjadi di Negara Brunei Darussalam.

Pengetahuan dan pemahaman yang disampaikan dari sesi tersebut diharap akan membantu pengurusan kanan, pengetua dan pegawai-pegawai UBD berkaitan untuk memberikan keutamaan kepada keselamatan dan kesihatan dalam membuat keputusan dan perancangan mereka.

Muhammad Anuar Haji Bahar juara Pertandingan Da'ie Muda

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

GADONG, Ahad, 3 April. - Awang Muhammad Anuar bin Haji Bahar dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) muncul juara Pertandingan Da'ie Muda sempena Program Suhwatul Ummah dengan syarahannya 'Allah Maha Penyayang' yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA, di sini.



SALAH seorang peserta da'ie muda menyampaikan ceramah.

Manakala, Awang Mohammad Nor Adli bin Haji Manan juga dari UNISSA dan Awang Mohammad Khairul Muaz bin Haji Sibodaud dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan Pertandingan Da'ie Muda.

Seramai lapan peserta menyertai pertandingan berkenaan terdiri daripada mahasiswa UNISSA, KUPU SB, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh daripada Kumpulan Aswatun Fannan yang terdiri daripada Mahasiswa UNISSA.

Pertandingan Da'ie Muda diadakan bertujuan bagi menggalakkan para mahasiswa untuk aktif dalam



TIMBALAN Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (tiga, kanan) hadir menyaksikan Pertandingan Da'ie Muda sempena Program Suhwatul Ummah.

program-program keagamaan dan menjadikan mereka sebagai Muslim yang menyeluruh.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mendedahkan para peserta pada

pengucapan awam.

Ia dianjurkan oleh UNISSA melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Keagamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar

universiti tersebut.

Juga hadir pegawai-pegawai utama, dekan-dekan, timbalan dekan, para pensyarah, kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

KESAN raikan sukarelawan remaja

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 April. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) atau persatuan bagi pembangunan manusia telah meraikan para sukarelawan persatuan tersebut serta peserta-peserta baharu pada majlis Sambutan Hari Pemangkin (Catalyst Day) sebagai salah satu usaha bagi menghargai penglibatan mereka di samping mengalu-alukan dan memperkenalkan ahli-ahli baharu KESAN.

Sambutan tersebut yang merupakan kali kedua seumpamanya telah diadakan di Dewan Auditorium, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Istilah 'pemangkin' adalah nama bagi Kumpulan Sukarelawan KESAN yang telah dilancarkan tahun lepas pada Majlis Penutup Belia Brunei Berbakti (3B) 2015 yang diharap dapat menjadi pasukan yang membawa perubahan positif kepada negara.

Bagi mencapai cita-cita tersebut, para pemangkin diberi peluang mempertajamkan kemahiran mereka melalui sesi bimbingan, di samping diberi peluang untuk menganjurkan projek sukarela melalui KESAN.

Hari Pemangkin antaranya bertujuan untuk memperingati dan menghargai belia yang telah

menjadi sebahagian daripada program-program KESAN serta menggalakkan penglibatan mereka dalam program-program persatuan berkenaan.

Sambutan yang dihadiri oleh seramai 32 pemangkin lelaki dan wanita termasuk peserta baru itu diisikan dengan sesi pengenalan

kepada KESAN dan ahli-ahli jawatankuasanya, di samping pelbagai aktiviti dalam dan luar dewan serta mengukuhkan silaturahim sesama mereka.

Ditubuhkan pada tahun 2006, KESAN, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mempunyai seramai 500 sukarelawan. Persatuan tersebut komited untuk menyokong negara mencapai 'Wawasan Brunei 2035' dan menjadikannya sebuah Negara Zikir serta melengkapkan para belia dengan integriti dan kemahiran kepimpinan.



ANTARA pemangkin lelaki bersama Ahli-ahli Jawatankuasa KESAN bergambar kenangan pada Sambutan Hari Pemangkin (Catalyst Day) di Dewan Auditorium, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin.



AHLI-AHLI Sukarelawan KESAN bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa persatuan berkenaan (kanan).

Dedahkan pelajar mengenai ASEAN



WAKIL Sekolah St. George, Engenio Mendoza selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pegawai Jabatan Penerangan dan para pelajar Sekolah St. George semasa Jerayawara Kenali ASEAN.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Sekolah St. George, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, wakil Sekolah St. George, Engenio Mendoza.

Turut hadir ke taklimat tersebut ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman yang antaranya mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 selaras dengan

statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.

Pengetahuan ini wajar diketahui oleh para pelajar bagi meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan negara di mata serantau, di samping sebagai pencetus semangat bagi mereka untuk lebih gigih memajukan tanah air bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Selepas taklimat ASEAN, Kuiz Kenali ASEAN diadakan yang dibukakan kepada penuntut-penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah berkenaan.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN yang kemudiannya diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada Pengetua Sekolah St. George.

Jerayawara ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah

di negara ini yang disifatkan sebagai golongan belia yang memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa bagi membentuk generasi pelapis.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain mengenal pasti sejauh mana pengetahuan mereka mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan kekitaan dalam kalangan pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Program tersebut merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan ke arah menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan penubuhan ASEAN dalam masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

PUISI

BAHASA JIWA BANGSA

Orang belayar bertimba ruang,
Dari Daik langsung ke Deli;
Biarlah badan miskin terbuang,
Bahasa tiada dijual beli.

Dari Daik langsung ke Deli,
Anak nakhoda jalan bertiga;
Bahasa tiada dijual beli,
Bukannya benda buat berniaga.

Benar sekali,
bahasa tiada dijual beli
kerana ia bukanlah benda
atau barang untuk diperniagakan
tapi untuk kita perjuangkan
untuk kita perkasakan
untuk kita martabat dan daulatkan
hidup bahasa Melayu
dirgahayu bahasa Melayu.

Ketahuilah,
maju mundurnya sesuatu bangsa itu
tinggi rendahnya sesuatu bangsa itu
dan hidup matinya sesuatu bangsa itu
adalah kerana bahasanya
cintailah dan sayangilah bahasa kita
utamakanlah bahasa Melayu
bahasa rasmi negara kita
bahasa jati diri bangsa
bahasa jiwa bangsa.

PENIPUAN

Jangan kau sangka
kami akan terpedaya
pun jangan kau harap
kami akan terperangkap
tidak, sekali-kali tidak
kerana kami tahu
segala budi bicara dan gelagatmu
hanya palsu semata-mata
penipuan, penipuan dan penipuan!

Apakah kau tidak terfikir
atau memikirkannya
segala perbuatanmu selama ini
adalah dosa dan maksiat
hatimu akan menjadi gelap
jiwamu sentiasa dalam ketakutan
dan kemurungan...
disebabkan penipuan yang kau
lakukan

Selagi kau tidak bertaubat
hidupmu tidak akan selamat
kau akan menerima balasan seksa
sama ada di dunia ini
mahupun di akhirat nanti

Sedarlah akan dirimu
hentikan perbuatanmu yang keji itu
ingat dan takutlah kepada Tuhan
patuhilah segala perintah-Nya
untuk keselamatan di kemudian hari

Kepada sekalian insan
selalulah berawas-awas dan
berhati-hati
jauhkan dan elakkan diri kita
dari menjadi mangsa penipuan
manusia.

TIADA JALAN PILIHAN LAGI

Benarlah,
jika yang sah
digantikan dengan yang batil

selamanya kita kehilangan jejak
teraba-raba dalam kegelapan
terumbang-ambing tidak keruan
jiwa kosong, lesu dan sepi
seperti tidak bermaya lagi
mahu ke mana kita ini!

Kepada insan jagat raya
berhati-hati jangan sampai terjadi
elakkan dari melakukannya
ikutlah jalan yang benar
jalan hakiki diredai Tuhan
tempat tersurat kemenangan mutlak
di dunia dan di akhirat

Ingatlah hidup ini
tiada jalan pilihan lagi
selain dari menuju-Nya
dan kita ini adalah
milik Allah
kepada-Nya kita pasrah dan menyerah
sujud dan tawaduk istiqamah
agar menjadi kekasih-Nya
yang sejati
abadi.

YAKIN DIRI

Dalam kegembiraan
dalam kemurungan
malah dalam apa jua sekalipun
kita perlu ada keyakinan
yakin diri
sebagai benting kekuatan
dan pegangan hidup yang hakiki
untuk duniawi dan ukhrawi.

Ingatlah,
hidup tanpa pegangan
terasa diri keterpinggiran
menyepi dan membeku
membuatkan kita alpa & tidak tahu
ke mana bahtera hayat dilayari
di mana kiblat yang dihadapi
segalanya jadi tidak bererti
di sini!

Yakin -
pasti -
suatu hakikat kehidupan
kita penuh segala tuntutan hidup ini
kita isi dan lestarikan bersama
tanpa ragu dan bimbang
iman dan ihsan pambalut badan.

Yakin diri
adalah sebaik-baik hal atau perkara
bagi setiap insan-insani
yang ingin melabuhkan cintanya
ke jalan yang bermanfaat dan diredai
"Biar hidup penuh bererti"
begitu saranan Islam yang suci.

Yakin diri
adalah hati, nikmat yang paling agung
amanah dari Allah
yang perlu dipelihara dan diisikan
dengan zikrullah
dengan nasihat
dengan muhasabah diri
agar dia hidup terus-terusan
tanpa ada cacat cinangannya.

Dengan mengingati Allah
hati kita menjadi sakinah
tanpa resah-gelisah!

Oleh : Rahim M.S.

Pupuk semangat patriotisme pelajar

Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

MUKIM KILANAS, Selasa, 5 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Tanjung Bunut, Kilanas di sini.

Seramai 300 orang penuntut dari Tahun 7, 8 dan 9 bersama guru serta pegawai dan kakitangan sekolah tersebut hadir pada program tersebut.

Antara aturcara program termasuklah nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara', diikuti Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu

Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Objektif Taklimat Kenegaraan ini ialah untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) selain dapat menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara.

Taklimat juga secara tidak langsung dapat mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara, di samping memantapkan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar

menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Sesi taklimat diselitkan dengan tayangan video klip mengenai bendera negara dan sesi Kuiz Kenegaraan.



PENUNTUT-PENUNTUT Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Kilanas tekun mendengarkan taklimat kenegaraan kelolaan Jabatan Penerangan sebagai satu acara dalam Program SINAR.



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan manusia di dunia ini tidak kekal, kehidupan ini akan berakhir, iaitu sama ada dengan kesudahan yang baik atau sebaliknya. Bagi mendapatkan kehidupan yang baik di akhirat kelak, setiap manusia hendaklah beriman dan beramal soleh. Kerana jika tidak, maka kesudahan kehidupannya di akhirat akan berakhir dengan kesudahan yang buruk, penuh dengan seksaan dan penderitaan. Oleh itu, kita sering diingatkan untuk menghargai nikmat umur dan memanfaatkannya dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperbanyakkan amal soleh.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya : *"Dari Abdurrahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan."*

Di dalam Al-Quran terdapat banyak firman Allah Subhanahu Wata'ala yang menggandingkan sebutan "وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ" yakni orang-orang yang beriman dan beramal soleh di mana mereka itu telah dijanjikan dengan ganjaran yang amat tinggi nilainya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Gandingan tersebut juga membuktikan betapa orang yang beriman hendaklah juga beramal soleh bagi mendapatkan ganjaran-ganjaran tersebut. Oleh itu, tidak cukup jika seseorang itu hanya

Bersegera dalam beramal soleh

mengaku beriman, iaitu melafazkan dua kalimah syahadah dan melaksanakan rukun-rukun Islam sahaja, tetapi hendaklah juga melakukan amal soleh.

Namun siapakah orang yang beriman dan beramal soleh tersebut? Mereka ialah seorang mukmin yang sebenar, iaitu sentiasa mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beribadat hanya kepada-Nya, melaksanakan suruhan-Nya, memelihara dan menjauhkan dirinya daripada apa jua perbuatan yang boleh mendatangkan dosa. Orang yang beriman akan sentiasa kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bertaubat kepada-Nya dan memohon keampunan setiap waktu dan masa. Orang yang beriman juga akan sentiasa mengerjakan amal soleh dengan penuh keikhlasan, sentiasa mengharap agar amalannya diterima dan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Amal soleh itu sangat luas maknanya. Amal soleh ialah apa jua perbuatan yang baik, bermanfaat dan berguna sama ada bagi dirinya mahupun kepada orang lain. Antara perbuatan amal soleh itu ialah orang yang memperbanyakkan doa dan zikir, membaca Al-Quran, melaksanakan tanggungjawabnya dengan amanah seperti kepada ibu bapa, keluarga dan masyarakat, mengamalkan sikap yang mulia seperti tolong-menolong dan melaksanakan 'amar makruf nahi mungkar, mencari rezeki dengan cara yang jujur, menuntut, memberi dan mengamalkan ilmu yang bermanfaat, membelanjakan hartanya dengan jalan yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala seperti bersedekah, berwakaf, menderma dan sebagainya.

Orang-orang yang beriman dan beramal soleh telah dijanjikan dengan ganjaran yang besar dari Allah Subhanahu Wata'ala antaranya mendapat ganjaran pahala, tiada dukacita baginya, tergolong orang-orang yang soleh, dihapuskan kesalahannya bahkan dan dikurniakan ganjaran apa yang telah mereka kerjakan itu dengan sebaik-baik ganjaran. Adapun antara sebaik-baik ganjaran itu ialah syurga sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Ankabut ayat 58 :

Tafsirnya : *"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, kami tentu akan menempatkan mereka di tempat-tempat yang tinggi (mahligai) di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya, itulah sebaik-baik ganjaran bagi orang-orang yang beramal."*

Oleh itu, beruntunglah orang-orang yang

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengingatkan kita tentang masa dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas Radiallahu'anha ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya :

Maksudnya : "Rebutlah lima perkara sebelum kami didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa muda mu sebelum tua mu, masa sihat mu sebelum sakit mu, masa kaya mu sebelum fakir mu, masa lapang mu sebelum kesibukan mu dan masa hidup mu sebelum mati mu."

menghabiskan umurnya untuk taat dan beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperbanyakkan amalan soleh, dan alangkah ruginya orang-orang yang mensia-siakan umur dengan menderhaka kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melakukan perbuatan yang berdosa dan maksiat, berbuat kejahatan dan kemungkaran, kerana apa yang diterima hanyalah kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sememangnya semua manusia mengimpikan agar kehidupan di akhirat kelak berakhir dengan kebaikan dan kebahagiaan, iaitu hidup kekal di dalam Syurga yang penuh dengan kesenangan dan kelazatan. Semua itu boleh dicapai dengan menjadi orang yang beriman dan beramal soleh. Terdapat sebilangan orang yang bercita-cita agar Allah Subhanahu Wata'ala akan memuliakannya dan mengangkat darjatnya dalam Syurga bersama-sama dengan orang yang beramal soleh. Tetapi mereka tidak melakukan amal soleh, leka dan sibuk dengan urusan dunia, hakikatnya itu hanyalah angan-angan kosong.

Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Shaad ayat 28 :

Tafsirnya : *"Patutkah kami menjadikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh itu sama seperti orang-orang yang berbuat kerosakan di bumi? Atau patutkah kami menjadikan orang-orang yang bertakwa itu sama seperti orang-orang yang berdosa?"*

Hari Akhirat atau Hari Kiamat, adalah hari di mana manusia akan dihisab mengikut amal perbuatan mereka semasa hayat di dunia. Dalam Surah Al Jaatsiyah ayat 28 - 30 ada menjelaskan bahawa pada Hari Kiamat setiap manusia akan berlutut dalam keadaan cemas dan menunggu panggilan. Setiap dari mereka itu akan dipanggil untuk menerima buku catatan amalnya serta dikatakan kepada mereka, *"Pada hari ini kamu dibalas menurut apa yang kamu telah kerjakan."*

Sesungguhnya Allah telah memerintahkan malaikat mencatat apa sahaja yang telah manusia kerjakan semasa mereka hidup di dunia di dalam buku catatan amal. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh maka mereka akan dimasukkan oleh Tuhan ke dalam rahmat-Nya, iaitu Syurga. Manakala bagi orang-orang yang tidak beriman, maka balasan mereka

ialah Neraka.

Ingatlah wahai saudara-saudara sekalian, pohonlah pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita bersungguh-sungguh, sabar dan istiqomah dalam melaksanakan amal soleh. Manfaatkanlah peluang hidup ini sebelum ajal tiba. Jangan sampai umur kita tersisa pada sesuatu yang tidak bermanfaat agar tiada penyesalan dan berdukacita setelah mati. Apabila kematian telah tiba, barulah kita sedar bahawa kita telah mensia-siakan umur di masa hidup di dunia dahulu. Oleh itu, kita hendaklah bersegera dalam beribadat dan beramal soleh, dan jangan sekali-kali menanggukannya ke masa yang lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As Sajdah ayat 12 :

Tafsirnya : *"Dan alangkah ngerinya kalau engkau wahai Nabi Muhammad melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di hadapan Tuhan mereka sambil merayu-rayu : Ya Tuhan kami! Kami telah melihat dan mendengar maka kembalikanlah kami (ke dunia) supaya kami mengerjakan amalan soleh, sesungguhnya kami sekarang telah yakin."*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengingatkan kita tentang masa dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas Radiallahu'anha ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya :

Maksudnya : *"Rebutlah lima perkara sebelum kami didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa muda mu sebelum tua mu, masa sihat mu sebelum sakit mu, masa kaya mu sebelum fakir mu, masa lapang mu sebelum kesibukan mu dan masa hidup mu sebelum mati mu."*

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk, hidayah dan rahmat-Nya kepada kita dan semoga kehidupan kita di dunia ini sentiasa berada di landasan yang benar dan diredhai Allah agar kita mendapat kehidupan yang selamat dan bahagia di hari akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al Kahfi ayat 107 - 108 :

Tafsirnya : *"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh adalah bagi mereka syurga-syurga Firdaus sebagai tempat tinggal mereka, mereka kekal di dalamnya, mereka tidak ingin berpindah daripadanya."*

HARI Akhirat atau Hari Kiamat, adalah hari di mana manusia akan dihisab mengikut amal perbuatan mereka semasa hayat di dunia. Dalam Surah Al Jaatsiyah ayat 28 - 30 ada menjelaskan bahawa pada Hari Kiamat setiap manusia akan berlutut dalam keadaan cemas dan menunggu panggilan. Setiap dari mereka itu akan dipanggil untuk menerima buku catatan amalnya serta dikatakan kepada mereka, "Pada hari ini kamu dibalas menurut apa yang kamu telah kerjakan."

Kesedaran bahaya dadah ganja

Oleh : Norliah Md. Zain dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik
Foto : Jabatan Penerangan dan Biro Kawalan Narkotik



pengambilan dadah terkawal dengan mengambil kira kedaulatan dan latar belakang negara dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya.

GANJA RAMPASAN DADAH TERBANYAK 2015

Menurut Siaran Akhbar Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada 10 Mac 2016 menyatakan, pada tahun 2015 rampasan dadah ganja merupakan rampasan dadah tertinggi di negara ini, iaitu sebanyak 34.63% daripada jumlah rampasan keseluruhan.

Dadah ganja adalah berasal dari pokok ganja yang mempunyai bilangan daun yang ganjil, iaitu 3, 5, 7, 9 dan 11. Lazimnya ganja digulung seperti rokok yang digelar *joint*. Nama lain bagi ganja ialah gulaian, rumput, sayur, *grass*, *joint* dan *serunding*.

Menurut Laporan World Drug Report (WDR) 2015 yang diterbitkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah ganja telah menunjukkan peningkatan terutama sekali di Afrika, Eropah dan Oceania serta Amerika Utara.

Penyalahgunaan dadah ganja jenis herba adalah lebih berleluasa jika dibandingkan dengan jenis resin. Eropah mempunyai pasaran terbesar resin ganja, tetapi penggunaannya adalah tertumpu di beberapa negara sahaja.

Laporan berkenaan juga turut menyatakan bahawa terdapat peningkatan kepada jumlah orang yang memerlukan rawatan dalam kalangan pengguna ganja. Ini menunjukkan peningkatan dalam pengguna dadah yang mengalami gangguan diakibatkan pengambilan ganja (*cannabis use disorder*).

Perkara ini dapat dibuktikan dengan kadar yang tinggi dalam jumlah kemasukan rawatan buat kali pertama disebabkan pengambilan ganja di Eropah, Amerika Utara dan Oceania. Pada masa yang sama, dadah jenis ganja merupakan dadah yang tertinggi disalahgunakan dalam kalangan mereka yang mengikuti rawatan buat kali pertama di Afrika.

Di Negara Brunei Darussalam, rampasan dadah ganja jenis herba, iaitu daun-daun kering merupakan rampasan dadah yang tertinggi pada tahun 2015, akan tetapi, jumlah tangkapan yang terlibat dengan dadah ganja adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan tangkapan, iaitu kurang daripada 10%.

BKN tidak memandang ringan mengenai perkara ini dan akan terus berusaha untuk mengurangkan bekalan dan penyalahgunaan

dadah di negara ini. Pihak BKN juga akan sentiasa peka dengan perkembangan terkini mengenai modus operandi dalam penyalahgunaan dadah di negara-negara jiran.

KEBURUKAN PENGGUNAAN GANJA

Melalui kaji selidik yang telah diterangkan di dalam Laporan WDR 2015, menunjukkan bahawa pengambilan dadah ganja pada jangka panjang akan menjejaskan daya ingatan dan dalam membuat keputusan.

Ini kerana Tetrahydrocannabinol (THC), bahan psikoaktif di dalam dadah ganja telah didapati mempunyai kesan negatif kepada kesihatan otak manusia yang berkaitan dengan memori dan tingkah laku.

Kandungan THC tinggi telah dikaitkan dengan kebimbangan, kemurungan, peningkatan risiko kebergantungan, sistem psikotik (*anxiety, depression, an increased risk of dependence, psychotic systems*).

Pada masa yang sama, ia juga menjejaskan kebolehan individu dalam membuat keputusan rasional yang boleh mengakibatkan seseorang tidak dapat membezakan dari yang baik dan yang buruk.

Menurut European Monitoring Centre for Drugs and Drug Addiction (2003), pengambilan dadah ganja boleh menyebabkan ketagihan yang mana dalam jangka masa panjang, sebarang ketagihan akan melibatkan penularan jenayah lain seperti mencuri ataupun merompak untuk menopang ketagihan.

KURANG PENGETAHUAN

BKN dengan ini menegaskan bahawa mitos-mitos mengenai kebaikan penggunaan dadah terkawal hanyalah mitos semata-mata dan ia adalah kesan jangka masa pendek sahaja.

Pengguna dadah yang mengambil dadah terkawal berdasarkan kepada mitos-mitos yang didengari adalah kerana mereka ini kurang berpengetahuan mengenai kesan dan bahaya dadah terkawal dalam jangka masa panjang.

Sebagai contoh, pengambilan dadah terkawal atas alasan untuk memberikan kemudahan dalam pembelajaran adalah sama sekali tidak boleh diterima. Banyak lagi cara lain yang positif dapat diguna pakai untuk memberikan ketenangan dan tumpuan dalam pembelajaran.

Kita perlu ingat, pengambilan dadah adalah haram disisi agama dan menyalahi undang-undang negara. Dalam hal ini, pelajar-pelajar perlu meneroka kaedah-kaedah yang lebih sihat, positif dan tidak menyalahi undang-undang negara dalam proses pembelajaran.

KESAN

Kaji selidik yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pengambilan dadah ganja boleh menjejaskan kesihatan otak dan pengambilan yang berterusan akan mengakibatkan kesukaran dalam pembelajaran terutama sekali dalam menumpukan perhatian semasa pembelajaran dengan keputusan peperiksaan yang merosot.


Rajah 1 menggambarkan perbezaan dalam perkembangan penyalahgunaan ganja dalam kalangan pelajar Amerika Syarikat. Kaji selidik telah menunjukkan bahawa pengguna dadah ganja yang kronik mengalami kesukaran di dalam hidup yang lebih teruk dan berterusan jika dibandingkan dengan orang lain. Khususnya, semasa dalam pengajian tinggi, mereka akan

Kesalahan	Akta	Jenis Ganja	Berat Dadah	Hukuman
Mengedar dadah terkawal	Seksyen 3(a), Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27	Ganja	Tidak kurang daripada 330 gram dan tidak lebih daripada 500 gram	Minima 20 tahun penjara dan 15 sebatan. Maksima 30 tahun penjara dan 15 sebatan.
			Lebih daripada 500 gram	Gantung sehingga mati
		Resin ganja	Tidak kurang daripada 130 gram dan tidak lebih daripada 200 gram	Minima 20 tahun penjara dan 15 sebatan. Maksima 30 tahun penjara dan 15 sebatan.
			Lebih daripada 200 gram	Gantung sehingga mati
Memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar	Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah	Ganja	Tidak kurang daripada 400 gram dan tidak lebih daripada 600 gram	Minima 20 tahun penjara dan 15 sebatan. Maksima 30 tahun penjara dan 15 sebatan.
			Lebih daripada 600 gram	Gantung sehingga mati
		Resin ganja	Tidak kurang daripada 200 gram dan tidak lebih daripada 300 gram	Minima 20 tahun penjara dan 15 sebatan. Maksima 30 tahun penjara dan 15 sebatan.
			Lebih daripada 300 gram	Gantung sehingga mati
Import dan Eksport dadah terkawal	Seksyen 5 Akta Penyalahgunaan Dadah	Ganja	Tidak kurang daripada 330 gram dan tidak lebih daripada 500 gram	Minima 20 tahun penjara dan 15 sebatan. Maksima 30 tahun penjara dan 15 sebatan.
			Lebih daripada 500 gram	Gantung sehingga mati
		Resin ganja	Tidak kurang daripada 130 gram dan tidak lebih daripada 200 gram	Minima 20 tahun penjara dan 15 sebatan. Maksima 30 tahun penjara dan 15 sebatan.
			Lebih daripada 200 gram	Gantung sehingga mati
Menanam pokok ganja, opium dan coca	Seksyen 8, Akta Penyalahgunaan Dadah	Pokok ganja, opium dan coca		Minima 3 tahun penjara atau denda \$5,000 atau kedua-duanya sekali
				Maksima 20 tahun penjara atau denda \$40,000 atau kedua-duanya sekali

ORANG ramai boleh mendapatkan maklumat dan penerangan lanjut mengenai bahaya dadah seperti ganja pada jerayawara yang diadakan oleh pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN).



FIG. 16. Different trajectories of cannabis use in late adolescence and young adulthood



Source: Schulenberg and others, "Trajectories of marijuana use" (2005).



TAKLIMAT mengenai kesedaran bahaya dadah sering dilaksanakan oleh BKN sama ada pada peringkat jabatan kerajaan, swasta mahupun masyarakat kampung.

mencapai gred yang lebih rendah, mempunyai kemerosotan dalam kadar kehadiran sekolah dan terpaksa bekerja lebih jam. Manakala pada peringkat awal dewasa, mereka ini kurang cenderung untuk berkahwin, mempunyai anak-anak dan lebih cenderung untuk mengalami pengangguran.

SARANAN

BKN turut menyarankan agar para belia dan pelajar-pelajar diluar negeri untuk menjauhi diri daripada penyalahgunaan dadah terkawal termasuk ganja dan tidak mudah terikut-ikut dengan budaya barat, dengan mengambil kira kesan pengambilan dadah dalam jangka masa panjang.

BKN juga menyeru orang awam agar tidak sekali-kali mencuba untuk menyalahgunakan dadah kerana ia akan menyebabkan ketagihan yang berterusan.

Merujuk kepada Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, jika seseorang itu dibicarakan kerana suatu kesalahan di bawah Bab 6(b), iaitu kesalahan memakan dadah, adalah tidak perlu bagi pihak pendakwa untuk membuktikan tempat di mana kesalahan itu dilakukan, sama ada ia dilakukan di dalam atau luar negeri.

Dadah ganja adalah salah satu dadah yang dijadualkan di bawah Dadah Terkawal Kelas A yang mana, semua akta dan peraturan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 boleh dikaitkan dengan dadah ganja.

Kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan dadah ganja berdasarkan kepada jumlah berat dadah ganja yang dimiliki bolehlah dirujuk pada Rajah 2.

KESIMPULAN

Secara lazimnya, pengguna dadah terlibat dengan penyalahgunaan dadah atas alasan ingin

mencuba dan menghadapi tekanan. Mereka ini juga mudah terpengaruh daripada kawan, budaya luar dan media.

Ini menunjukkan bahawa mereka ini mempunyai jati diri dan daya tahan yang rendah yang mana mereka mudah terpengaruh dan membuat keputusan tanpa memikirkan akibatnya di kemudian hari.

Negara Brunei Darussalam percaya bahawa pengambilan dadah terkawal akan memberikan kemudahan kepada kesihatan dan mengugut keamanan dan keselamatan negara.

dengan jelas) TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN yang ditujukan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tarikh Akhir Menghantar :
11 April 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.

8. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DILAYAN.

10. Borang-borang boleh diperolehi di Unit Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

11. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga Isnin hingga Khamis : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang, Sabtu : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi.

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.2/2016
Tajuk Sebut Harga :
Buku Tunai Sais Besar (Cash Book)
Tarikh Tutup / Jam :

11 April 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar sebut harga :
Peti Sebut Harga (Quotation Box)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicop syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (sealed envelope menulis dengan jelas) TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP tanpa membubuh sebarang pengenalan atau

identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN yang ditujukan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tarikh akhir menghantar :
11 April 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.

8. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DILAYAN.

10. Borang-borang boleh diperolehi di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan

Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive, BB3910
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

JUJUALAN LELONG TERTUTUP

UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebutharga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan di bukakan kepada Syarikat-Syarikat dan orang-orang perseorangan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut:-

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
A	• Unit Perlatan Pejabat Jumlah semua : 04 Unit / buah	Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Kementerian Pendidikan
	• Peralatan Komputer Jumlah semua : 132 Unit / buah	Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Gadong
	• Alat Pencegah Kebakaran Jumlah semua : 8 Unit / buah	Sekolah Rendah Pintu Malim, Jabatan Sekolah-sekolah
	• Perabot Sekolah Jumlah semua : 71 Unit / buah	Sekolah Rendah Junjongan

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
B	• Peralatan/Perabot Pejabat dan Peralatan/Perkakas Komputer Jumlah semua : 447 Unit / buah	Sekolah Menengah PAP Hjh Rashidah Saadatull Bolkihah, Lumut
	• Peralatan / Perkakas Komputer Jumlah semua : 41 Unit / buah	Sekolah Rendah Melilas, Ulu Belait
C	• Peralatan / Perkakas Sekolah dan Dapur Jumlah semua : 364 Unit / buah	Sekolah Menengah Sufri Bolkihah, Tutong
	• Perabot Sekolah Jumlah semua : 184 Unit / buah	Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara, Bukit Beruang, Tutong II

Borang sebutharga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut:

- Unit Penghapusan Dari Kira-Kira,**
Blok 2J6: 03-04 Tingkat 6,
Kondominium Ong Sum Ping,
Kementerian Pendidikan.
Talian Telefon : 2230113. (Brunei / Muara)
- Unit Penghapusan Dari Kira-Kira.**
Bekas Barik Lama Sekolah Menengah Sufri Bolkihah, Tutong TA 1341
Talian Telefon: 4260312
- Unit Penghapusan Dari Kira-Kira**
Rumah Kediaman Brunei Shell, Simpang 24-29 Jalan Maulana, Kuala
Belait KD 145
Talian Telefon : 3347423
- Unit Penghapusan Dari Kira-Kira**
Bekas Asrama Jalan Masjid, Jabatan Sekolah-Sekolah. Temburong.
Talian Telefon : 5222171 / 5222172

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. BORANG tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :

**Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.15 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang**

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan ditulis dengan terang :
**TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN
KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :

**UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA
BLOK 2J6:03-04, TINGKAT 6
KONDOMINIUM ONG SUM PING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan serta barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada **Ketua-ketua Jabatan Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, talian telefon : +673 2230113.**

6. Yuran tawaran **BND10.00** bagi setiap lot. (tidak akan dikembalikan).

Tarikh Tutup Tawaran : 23 April 2016 (Sabtu), jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk **'The Supply, Delivery, Installation and Commissioning of Batteries for Uninterruptible Power Supply, (UPS) at Remote Site (PSR / MSSR Radar Site), Department of Civil Aviation.'**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING
OF BATTERIES FOR UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY (UPS)
AT REMOTE SITE (PSR / MSSR RADAR SITE),
DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION'**

**Bilangan Sebut Harga : ATELS/2016/SH- 01
Tarikh Tutup : 20 April 2016 (Rabu), 2.00 Petang
Kepada :**

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a. Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga **tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 20 April 2016.** Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan).**

5. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

**Nama : Muhammad Shamrin Abdullah Bundol
Telefon : +673 2330142 sambungan 1989
Faksimile : +673 2333666**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman web <http://www.civil-aviation.gov.bn>.



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Supply of EMS Plastic Pouch

Rujukan Tawaran : POS/T/01/JPP/2016 - 2017

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan).** Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam mata wang ringgit Brunei.

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :

**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. **Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.**

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

**Supply of EMS Plastic Pouch
Rujukan Tawaran : POS/T/01/JPP/2016 - 2017**

Dialamatkan ke :

**PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Kementerian Perhubungan
Negara Brunei Darussalam.**

6. **Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Selasa, 26 April 2016, jam 2.00 Petang.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga serta menyertakan :

- Salinan lesen rampaian yang sah
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/200 (2)
WASTE DISPOSAL SERVICE FOR
THE ROYAL BRUNEI AIR FORCE -
FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :
\$30.00 (tidak dikembalikan)**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 3 Mei 2016 di Jabatanarah Kewangan

dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada 4 April 2016.

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

**Isnin hingga Khamis :
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat : 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**BILANGAN TAWARAN :
IKAN/78(Q)0061/2015 (R)
JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA**

KETERANGAN :

1. PERALATAN / PERKAKAS

AUDIO VISUAL

BANYAK : 21 UNIT

PENEMPATAN :

**STOR PERIKANAN KOMPLEKS
PENDARATAN IKAN SERASA, MUARA**

**BILANGAN TAWARAN :
IKAN/78(Q)0062/2015**

**JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA**

KETERANGAN :

1. SEBUAH FORKLIF - BG 7326

JENAMA : TOYOTA

BANYAK : 1 BUAH

PENEMPATAN :

**PEJABAT KOMPLEKS
PENDARATAN IKAN SERASA, MUARA**

JABATAN PERIKANAN

Jualan lelong harta benda kerajaan secara sebut harga ini akan diadakan pada 2 hingga 19 April 2016.

Waktu bagi melihat barang lelongan ialah pada :

**Jam : 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
(pada hari-hari waktu bekerja)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Borang jualan lelong secara sebut harga, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi di talian +673 2770066 / +673 2770067 / +673 2770068 (Serasa) (Bagi mendapatkan dokumen jualan lelong secara sebut harga dan syarat-syarat) semasa waktu pejabat di Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Teknologi Info-Komunikasi, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan

**Pantai Serasa, Muara, BT1728,
Negara Brunei Darussalam.**

3. Jika pembeli hendak melihat barang lelongan tersebut, hendaklah mengadakan temu janji terlebih dahulu dengan menghubungi pegawai berikut :

Telefon ofis : +673 2774260

Nama Pegawai :

**Awang Haji Aermie bin Haji Gusti /
Awang Haji Kadir Kinidi bin Haji Md.
Hassan / Dayang Rosidah binti Haji Abd.
Karim / Awang Abd. Aziz bin Haji Wahid**
Bagi bilangan tawaran :
IKAN 78(Q)/0061/2015 (R)

Telefon ofis : +673 2770710 / +673 2770699/
+673 2774260

Nama Pegawai :

**Awang Sharul Hazri bin Haji Musa /
Awang Masdie bin Haji Pungut /
Awang Haji Aermie bin Haji Gusti /**
Bagi bilangan tawaran :
IKAN 78(Q)/0062/2015 (R)

4. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selajutnya.

5. Jualan lelongan secara sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

6. Kesemua tawaran jualan lelong secara sebut harga hendaklah menggunakan

borang yang disedia dan diisikan dengan lengkap disertakan dengan salinan kad pintar pembeli dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang bertempat seperti berikut :

**Ibu Pejabat Jabatan Perikanan
Kompleks Perikanan Muara
Simpang 287-53
Jalan Peranginan Pantai Serasa
Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.**

**TIDAK LEWAT PADA HARI SELASA,
19 April 2016, JAM 2.30 PETANG.**

Tawaran jualan lelong secara sebut harga hendaklah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan bilangan dan tajuk sebut harga tanpa menunjukkan identiti pembeli.

7. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh surat tawaran tersebut dikeluarkan.

8. Borang jualan lelong akan dikenakan bayaran sebanyak **BND5.00 sekeping (IKAN 78(Q)/0061/2015 (R))**

8. Borang jualan lelong akan dikenakan bayaran sebanyak **BND50.00 sekeping (IKAN 78(Q)/0062/2015 (R))**.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

KETERANGAN :

**1 LOT PERALATAN / PERABOT
PEJABAT DAN PERKAKAS ELEKTRIK**

KETERANGAN BARANG

1. KERUSI (BERODA) - 32 UNIT
2. KERUSI - 6 UNIT
3. MEJA - 15 UNIT
4. MEJA (KAYU) - 3 UNIT
5. MEJA KAYU - SIDE TABLE (3 DRAWER) - 2 UNIT
6. MEJA (KECIL) - 2 UNIT
7. ALMARI BESI (2 DOOR) - 5 UNIT
8. ALMARI FAILING BESI (7 DRAWER) - 1 UNIT
9. ALMARI FAILING BESI (4 DRAWER) - 15 UNIT
10. ALMARI FAILING BESI (2 DRAWER) - 2 UNIT
11. RAK FAILING 5 LAYER (BESI) - 1 UNIT
12. MESIN FOTOKOPI - 2 UNIT
13. BINDING MACHINE - 1 UNIT
14. MS SHREDDER - 2 UNIT
15. STOVE IGNIS - 1 UNIT
16. KIPAS ANGIN INDUSTRI - 1 UNIT
17. KIPAS ANGIN BERDIRI - 1 UNIT
18. FREEZER - 1 UNIT
19. FAST FREEZER KELVINATOR - 1 UNIT

20. REFRIGERATOR (2 DOOR GLASS) - 2 UNIT

21. PETI AIS FRIDRIDAIRE - 1 UNIT

22. PETI AIS KEVINATOR - 1 UNIT

23. AIR COMPRESSOR - 1 UNIT

24. STEEL DUSTBIN - 4 UNIT

25. MANUAL TYPEWRITER - 4 UNIT

26. ELECTRIC TYPEWRITER - 1 UNIT

27. WATER PRESSURE PUMP - 1 UNIT

28. SLIDE PROJECTOR - 1 UNIT

29. PROJECTOR - 2 UNIT

30. ELECTRIC DESKTOP CALCULATOR - 1 UNIT

BANYAK : 1 LOT

PENEMPATAN :

A) IBU PEJABAT

JABATAN PERIKANAN

B) SEKSYEN PERIKANAN BELAIT /

TUTONG

C) PUSAT PENGHASILAN INDUK (BDC), SERASA

D) BAHAGIAN PERKEMBANGAN PEMASARAN PEMEMPROSESAN MAKANAN LAUT

E) STOR PERIKANAN KOMPLEKS

PENDARATAN IKAN SERASA, MUARA

JABATAN PERIKANAN

Jualan lelong harta benda kerajaan secara

sebut harga ini akan diadakan pada 2 hingga 19 April 2016.

Waktu bagi melihat barang lelongan ialah pada :

**Jam : 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
(pada hari-hari waktu bekerja)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Borang jualan lelong secara sebut harga, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi di talian +673 2770066 / +673 2770067 / +673 2770068 (Serasa) (Bagi mendapatkan dokumen jualan lelong secara sebut harga dan syarat-syarat) semasa waktu pejabat di Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Teknologi Info-Komunikasi, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam.

3. Jika pembeli hendak melihat barang lelongan tersebut, hendaklah mengadakan temu janji terlebih dahulu dengan menghubungi pegawai berikut :

Telefon ofis : +673 2774260

Nama Pegawai :

**Awang Haji Aermie bin Haji Gusti /
Awang Haji Kadir Kinidi
bin Haji Md. Hassan /
Dayang Rosidah binti Haji Abd. Karim /
Awang Abd. Aziz bin Haji Wahid**

4. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selajutnya.

5. Jualan lelongan secara sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

6. Kesemua tawaran jualan lelong secara sebut harga hendaklah menggunakan borang yang disedia dan diisikan dengan lengkap disertakan dengan salinan kad pintar pembeli dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang bertempat seperti berikut :

**Ibu Pejabat Jabatan Perikanan
Kompleks Perikanan Muara
Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai
Serasa Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.**

**TIDAK LEWAT PADA HARI SELASA,
19 April 2016, JAM 2.30 PETANG.**

Tawaran jualan lelong secara sebut harga hendaklah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan bilangan dan tajuk sebut harga tanpa menunjukkan identiti pembeli.

7. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh surat tawaran tersebut dikeluarkan.

8. Borang jualan lelong akan dikenakan bayaran sebanyak **BND5.00 sekeping**.

Bincang persediaan sambutan perayaan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Selasa, 5 April. - Agenda utama Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 bagi Daerah Tutong Tahun 2016 antara lain membincangkan persediaan acara-acara rasmi sempena sambutan perayaan tersebut.

Mesyuarat yang dipengerusikan

oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam itu telah diadakan di Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Hassan bin Amat.

Antara lain, mesyuarat juga membincangkan cadangan acara-acara sektoral termasuk acara-acara

keagamaan, kesukanan dan kemasyarakatan serta Majlis Khatam Al-Quran 70 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung.

Pada masa yang sama, mesyuarat turut melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan Pengerusi-pengerusi Acara Keraian Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 bagi Daerah Tutong.

Juga hadir pada mesyuarat tersebut



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam (tengah) mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 bagi Daerah Tutong Tahun 2016.



PARA penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong sama-sama hadir bagi membincangkan acara-acara rasmi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70.

ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya; Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, selaku Penghulu Mukim Keriam; Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji

Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai; pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan cawangan Daerah Tutong dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan Pengerusi-pengerusi Acara Keraian Perayaan serta penghulu-penghulu Mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong.

Pesta Pelancongan Belait tawarkan hadiah menarik

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Tujuh orang pemenang Cabutan Bertuah yang menyertai Pesta Pelancongan Belait Kali Ke-11 Tahun 2016 selama dua hari bermula pada 5 Mac lepas di Pusat Insani, Seria, masing-masing membawa pulang hadiah-hadiah hebat yang ditawarkan sempena berlangsungnya pesta berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada

Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Kapten Khalidkhan bin Haji Asmakan berlangsung di Bilik Sejahtera, Royal Brunei Recreation Club (RBRC), di sini.

Para pemenang berkenaan terdiri dari Awang Mohamad Isa bin Mohamad Husin; Wong Boon Tzuen; Awang Sofian bin Haji

Ahmad; Goh Kok Hong; Dayang Hajah Halimah Tatal; Dayang Nurshafinah Abdullah Mayoh dan Dayang Aini binti Pandin.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah berupa dua tiket penerbangan ke Dubai kepada Dayang Hajah Halimah dan dua tiket penerbangan ke Melbourne, Australia kepada Goh Kok Hong.

Sementara itu Awang Mohd. Isa dan Dayang Nurshafinah masing-masing menerima telefon bimbit Samsung 3X dan Samsung 4X yang disampaikan oleh wakil

dari Sabre Travel Network Brunei.

Manakala pemenang seterusnya Wong Boon Tzuen memenangi 50,000 Royal Skies Miles; Awang Sofian memenangi 30,000 Royal Skies Miles

sementara 20,000 Royal Skies Miles dimenangi oleh Dayang Aini yang mana penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh wakil dari Baiduri Bank.



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Kapten Khalidkhan bin Haji Asmakan (kanan) menyampaikan hadiah berupa dua tiket penerbangan ke Dubai kepada Dayang Hajah Halimah pemenang Cabutan Bertuah sempena Pesta Pelancongan Belait Ke-11 Tahun 2016.

Sasaran 10 ribu pengunjung ke Pameran Auto



PENYELARAS Editorial Motoring BN, Awang Redzwan bin Kamarudin semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Pameran Auto Permotoran BN 2016 (Motoring BN Auto Show 2016) mensasarkan kira-kira 10 ribu pengunjung atau lebih untuk datang melihat secara lebih dekat kereta-kereta terbaharu serta barangan kereta dan perkhidmatan yang disediakan

sepanjang empat hari itu.

Penyelaras Editorial Motoring BN, Awang Redzwan bin Kamarudin menyatakan demikian semasa ditemui pada Pameran Auto Permotoran BN 2016 di kawasan lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Pameran yang akan berakhir Ahad itu nanti, Awang Redzwan berkata, ia bukan sekadar mempamerkan kereta sahaja tetapi penyertaan daripada beberapa agensi lain termasuk Baiduri Bank bagi pengurusan pinjaman, Syarikat BSM, iCare untuk khidmat penandaan dan bermacam-macam lagi.

Penyertaan pelbagai agensi tersebut tambahnya, akan memudahkan lagi para pelanggan yang baharu atau hendak merancang untuk membeli dan memiliki kereta mereka sendiri.

Mengenai venue pameran, Awang Redzwan menjelaskan, inisiatif pihak penganjur bagi memisahkan lagi kompleks dan suasana di sekitar ibu negara itu dan pameran itu juga menyediakan beberapa lagi aktiviti

menarik terutama pada hujung minggu ini iaitu meraikan Sambutan Ulang Tahun Pertama Majalah Motoring BN di samping festival daripada *The Collective* dan bermacam-macam program lagi.

Sementara itu, salah seorang Perunding Jualan di Goh Hock Kee Motor Sendirian Berhad, Pengiran Asmali bin Pengiran Duraman berpendapat, tujuan syarikat mengikuti pameran itu adalah bagi memberi pendedahan kepada para pengunjung mengenai produk pengeluaran kereta-kereta mereka.

Melalui pameran itu juga memudahkan orang ramai untuk melihat secara lebih dekat lagi kereta-kereta yang dipamerkan dengan lebih terbuka di samping keterangan kereta secara lebih lanjut lagi.

Pengiran Asmali juga menyatakan syarikatnya ada mendatangkan kereta terbaharu iaitu Jeep Renegade 1.4 Turbo yang akan dilancarkan pada hari Sabtu ini dan pembeli yang terawal akan dapat promosi hebat semasa pada hari pelancarannya itu nanti.



PERUNDING Jualan di Goh Hock Kee Motor Sendirian Berhad, Pengiran Asmali bin Pengiran Duraman (tengah) bergambar dengan wakil salah sebuah ejen kereta Jeep yang turut serta pada pameran tersebut.

Beramal melalui bazar

Rencana dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

SEDEKAH adalah suatu sunnah dan amalan para sahabat yang sangat mulia. Dalam tradisi Islam ia ada beberapa tahap seperti zakat, sedekah, derma dan hadiah. Tuntutan bersedekah ini tidak ada ertinya tanpa kita yang bersedekah menyandarkan niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala demi untuk kebajikan pihak yang memerlukan dan tidak mengharap pujian atau balasan, bahkan semata-mata untuk mencari keredaan Allah jua dan menjunjung ketaatan kepada-Nya serta memupuk kasih sayang kepada manusia dan masyarakat seluruhnya. Keutamaan bersedekah ini amat digalakkan oleh Islam dan telah dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 :

Bermaksud : *"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya."*

Beramal untuk orang ramai bagi membantu meringankan beban mereka yang memerlukan juga adalah satu amalan yang mulia dan berkebaikan. Ke arah ini satu Bazar Amal 'Satu Baju Satu Senyuman' anjuran Battle Pro Event dengan kerjasama Pejabat Daerah Brunei dan Muara (DBM) diadakan bermula dari 4 hingga



SYARIKAT kedai jahit yang terlibat dalam Projek 'Satu Baju Satu Senyuman'.

10 April bertempat di Dewan Muhibbah, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas. Ia dirasmikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Bazar Amal Ke-3 ini menjadi lebih istimewa daripada sebelum ini, di mana orang ramai boleh beramal melalui sumbangan berupa sepasang baju Melayu atau baju kurung Hari Raya untuk anak-anak yatim.

Selain Projek 'Satu Baju Satu Senyuman', lebih 40 pengusaha juga telah mengambil bahagian dan menyokong Bazar Amal tersebut dengan menyetengahkan pelbagai jenis jualan termasuk produk Brunei.

Bazar ini menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan fabrik dan sekali gus

membuat ukuran bagi baju masing-masing dengan harga jahitan BND17 bagi baju Melayu dan BND20 untuk baju kurung sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

BERAMAL

Pembantu Tadbir bagi Khidmat Pengurusan dan Pemasaran Battle Pro, Awang Shahrizal bin Momin ketika ditemui Pelita Brunei menerangkan tujuan Bazar Amal ini adalah membeli sambil beramal untuk orang ramai bagi membantu meringankan beban mereka yang memerlukan.

Menyentuh mengenai sambutan orang ramai, Awang Shahrizal menyatakan respons begitu menggalakkan sekali daripada para pengunjung yang mana ini mempamerkan masih banyak orang di luar sana yang prihatin dengan mereka yang kurang bernasib baik.

"Bazar berkonsepkan seumpama ini adalah kali pertama dianjurkan oleh kami dan bazar seterusnya akan diadakan pada penghujung bulan ini dan di bulan Ramadan nanti yang membawakan berlain konsep pula," jelasnya.

Selain dari itu terangnya, bazar



PENGUSAHA Madu Maanggaris, Awang Mohd. Ubaidillah bin Haji Awang Damit.



DAYANG Sufina binti Mohammad, pengusaha sos grill, perencah masakan dan tepung cucur.

BERAMAL untuk orang ramai bagi membantu meringankan beban mereka yang memerlukan juga adalah satu amalan yang mulia dan berkebaikan.

juga memberi peluang pekerjaan kepada sukarelawan-sukarelawan yang ingin memberikan khidmat mereka untuk sama-sama membantu melakukan persediaan dan tugas teknikal bagi memastikan segala urusan berjalan lancar.

Dengan adanya bazar ini juga katanya, para penjual terutama sekali yang ingin memperkenalkan produk tempatan juga berkesempatan untuk mengenalkan produk mereka kepada masyarakat.

Bazar menjual barangan seperti pakaian dewasa dan kanak-kanak, peralatan rumah, makanan dan minuman.

Sebahagian daripada bayaran penyertaan bagi para pengusaha yang menyertai bazar ini akan disumbangkan kepada tabung anak yatim di bawah Pejabat DBM.

PRODUK TEMPATAN

Antara penghasil produk tempatan yang menyertai Bazar Amal tersebut ialah pengusaha Madu Maanggaris.

Pengusaha Awang Firdaus bin Sapli, sudah berkecimpung dalam mengusaha madu lebah sejak dua tahun lalu dan dibantu oleh kawannya, Awang Mohd. Ubaidillah bin Haji Awang Damit.

Awang Mohd. Ubaidillah ketika ditemui sempat menerangkan mengenai kelebihan madu jualan mereka iaitu Madu Maanggaris Pahit yang mempunyai rasa dari nektar buah tunjuk langit yang amat baik sekali untuk diamalkan secara istiqamah.

"Manfaat madu kami mampu mempertingkatkan daya imuniti



PEMBANTU Tadbir bagi Khidmat Pengurusan dan Pemasaran Battle Pro, Awang Shahrizal bin Momin.

tubuh badan, merangsangkan perembesan insulin dari pankreas, meningkatkan fungsi pembinaaan darah serta menangani kekejangan otot di dalam saluran pernafasan dan banyak lagi," katanya.

Manakala Dayang Sufina binti Mohammad pula seorang pengusaha sos grill, perencah masakan dan tepung cucur menyatakan beliau sudah berkecimpung dalam dunia perniagaan secara kecil-kecilan ini hampir 11 tahun.

"Kesemua produk yang dijual adalah hasil tangan saya sendiri. Produk yang paling laris setakat ini ialah perencah masakan yang mempunyai pelbagai perasa seperti bilis dan udang. Tepung cucur menjadi kegemaran ramai juga kerana kelainan rasanya dan harganya yang berpatutan," ujarnya.



PARA sukarelawan Battle Pro Event.

68 terima Anugerah Pelajar Cemerlang

Berita dan Foto :
Ihsan Abdul Aziz Pandin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Seramai 68 pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong menerima anugerah masing-masing setelah berjaya meraih keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Peringkat GCE 'O' 2015.

Daripada jumlah tersebut, seorang pelajar meraih 9 kredit Peringkat 'O', 20 pelajar meraih 8 kredit Peringkat 'O', 20 orang lagi meraih 7 'O', sementara sembilan pelajar memperoleh 6 'O' dan lapan pelajar memperoleh 5 'O'.

Anugerah Pelajar Cemerlang diberikan kepada Awang Abdul Aziz bin Abdul Rahim dengan mendapat 9 kredit Peringkat 'O', Anugerah Pelajar Contoh diterima oleh Awang Mohammad Affiq bin Jufferi dan Anugerah Potensi Pelajar diraih

oleh Dayang Nurul Diyana binti Haji Morsidi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang tersebut ialah Ketua Kluster 2 di Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metussin bin Haji Jais, berlangsung di sekolah berkenaan, di sini.

Turut menerima sijil pencapaian ialah pelajar dari BTEC Diploma Level 2 dalam Art, Design dan Program Media manakala pelajar dalam Program MP3 juga diberi berdasarkan prestasi akademik dan melalui peningkatan positif mereka.

Majlis antara lain bertujuan untuk meraikan usaha serta kerja keras para pelajar dan juga untuk memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar-pelajar lain untuk cemerlang dalam akademik mereka terutama kepada mereka yang akan mengambil Peperiksaan Peringkat GCSE 'O' dan Peperiksaan IGCSE tahun ini.

Secara keseluruhannya, hasil tahun

ini telah menunjukkan pencapaian dan peningkatan yang positif dan memberangsangkan berbanding

dengan tahun-tahun sebelumnya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengetua sekolah tersebut, Dayang

Zarina binti Haji Kadir; timbalan pengetua, guru-guru, ibu bapa dan pelajar.



PARA pelajar yang menerima Anugerah Pelajar Cemerlang dalam sesi gambar ramai selepas menerima anugerah masing-masing.



DEKAN Pelajar UBD, Awang Saidai bin Awang Haji Hitam (dua, kiri) menerima penerangan daripada salah seorang ahli Majlis AIDS Brunei Darussalam.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

TUNGKU, Rabu, 6 April. - Sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab orang awam khususnya dalam kalangan belia dan pelajar untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Pengajian Perniagaan dan Ekonomi (UBD SBE) menganjurkan Program Kemasyarakatan dan Aktiviti Cabaran yang disertai oleh 80 pelajar mewakili 10 institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Program ini antara lain menggalakkan para pelajar untuk memahami inisiatif-inisiatif dan usaha yang telah dilaksanakan termasuk masalah yang dihadapi oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) di negara ini.

Majlis perasmianya berlangsung di Dewan Canselor, UBD dan disempurnakan oleh Dekan Pelajar UBD, Awang Saidai bin Awang Haji Hitam.

Semasa berucap pada majlis tersebut, Awang Saidai menjelaskan teknologi merupakan tunjang utama dalam program ini kerana kemajuan teknologi tidak dinafikan telah banyak merubah kehidupan masa kini.

Jelasnya, teknologi menjadi alat paling berkuasa yang menyediakan pelbagai peluang untuk masa depan

yang lebih baik selain mampu meningkatkan serta menyebarkan maklumat dengan kadar lebih cepat.

Untuk itu jelasnya, program ini menyediakan platform ke arah membina kesepaduan antara belia, masyarakat dan NGOs.

Melalui program ini juga tambahnya, peserta dapat menyumbangkan idea-idea yang kondusif kepada kerajaan di dalam membantu masyarakat yang berpengetahuan.

Sebagai salah satu aktiviti program, satu pertandingan cabaran turut diadakan di mana para peserta yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan akan memberikan cadangan masing-masing dan membantu bagaimana menangani masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh NGOs dengan menggunakan idea-idea teknologi dan penyelesaian masalah.

Program turut diserikan dengan pameran daripada NGOs antaranya Sukarelawan Tutong (SUKA), Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA), Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP), Majlis AIDS Brunei Darussalam AIDS (BDAC) dan Care and Action for Strays (CAS).

Antara objektif program ialah untuk mempamerkan dan meningkatkan kesedaran orang awam mengenai

Pelajar digalakkan menyumbang idea kondusif

pelbagai pertubuhan bukan kerajaan dan kelab-kelab amal di negara ini selain meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai isu-isu masyarakat serta menyediakan peluang bagi orang ramai berinteraksi dan bekerjasama dengan NGOs serta kelab-kelab amal di negara ini.

Program yang julung kali dianjurkan oleh mahasiswa tahun tiga UBD SBE itu dikendalikan dengan kerjasama Pusat Inovasi e-Kerajaan, UBD (e-Government Innovation Centre - eG.InC, UBD) bersama pelajar-pelajar Universiti Teknologi Brunei, Brunei Geek Meet dan Syarikat Amanah Haji Abdullah (SAHA).



SEBAHAGIAN penuntut yang mengikuti Community Outreach Programe (COP) & Challenge di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Bazar Amal Satu Baju Satu Senyuman dilanjutkan hingga 10 April 2016

Siaran Akhbar : Battle Pro Event

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April.- Battle Pro Event ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Bazar Amal Satu Baju Satu Senyuman, inisiatif Battle Pro Event dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara akan dilanjutkan sehingga hari Ahad 10 April 2016, jam 9 malam.

Ini adalah hasil daripada permintaan ramai orang

awam yang tidak dapat hadir semasa hari kerja. Jadi pihak penganjur sudah memastikan agar projek ini dapat dilanjutkan sehingga hari Ahad, 10 April.

Waktu operasi adalah seperti berikut iaitu pada hari Jumaat, 8 April bermula jam 2.30 petang hingga 9 malam dan hari Sabtu dan hari Ahad bermula jam 9 pagi hingga 9 malam.

UNISSA menjadi anggota rasmi AUN-QA

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) secara rasminya diterima menjadi anggota ASEAN University Network - Quality Assurance (AUN-QA) pada 4 April lepas.

AUN yang ditubuhkan pada tahun 1995 mempunyai objektif untuk mengukuhkan jaringan yang sedia ada antara universiti di rantau ASEAN dan luar ASEAN, mempromosi kolaborasi kajian, penyelidikan dan program-program pengajian dengan mengambil kira kepentingan komuniti ASEAN, memperkasa kerjasama serta solidariti dalam kalangan ahli akademik, tenaga pakar, pengkaji di negara-negara ASEAN di samping sebagai badan yang menjadi

penggubal dasar dalam pengajian tinggi rantau ASEAN.

Sementara itu, AUN-QA merupakan antara kegiatan penting dalam AUN yang bertujuan untuk memantau dan menilai kualiti program-program akademik yang ditawarkan oleh ahli-ahli AUN.

Justeru keanggotaan UNISSA dalam usianya mencecah satu dekad penubuhan adalah sangat signifikan, di samping menjadi mercu tanda bahawa UNISSA sangat tekun untuk mengembang majukan kredibilitinya dalam mengangkat program akademik serta memperkasa iklim penyelidikan di kalangan warganya setanding universiti berprestij di rantau ini.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

CEGAH, RAWAT, TANGANI DIABETIS

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.